



**SIKAP PELAJAR SUKU KAUM SULUK DAN HUBUNGANNYA DENGAN  
MOTIVASI TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI  
BAHASA KEDUA SEKOLAH RENDAH**

**JAIDAH BINTI ADRIS**

**PROJEK PENYELIDIKAN YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA  
PENDIDIKAN**

**FAKULTI KOLEJ SASTERA DAN SAINS  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
SINTOK KEDAH**

**SIKAP PELAJAR SUKU KAUM SULUK DAN HUBUNGANNYA DENGAN  
MOTIVASI TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI  
BAHASA KEDUA SEKOLAH RENDAH**

**JAIDAH BINTI ADRIS**

**PROJEK PENYELIDIKAN YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI KOLEJ SASTERA DAN SAINS**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**SINTOK KEDAH**


**2010**

## **PENGAKUAN**

Saya akui karya ini ialah hasil kerja saya sendiri, kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

**TARIKH : 30 JUN 2010**

**TANDATANGAN :**



**NAMA**

**: JAIDAH BT ADRIS**

**NO.MATRIK**

**: 802640**



**Bidang Pengajian Pendidikan  
UUM College of Arts and Sciences  
(Universiti Utara Malaysia)**

**PERAKUAN PROJEK SARJANA  
(Certification of Masters Project)**

Saya yang bertandatangan di bawah, memperakukan bahawa  
(I, the undersigned, certify that)

**JAIDAH BINTI ADRIS (NO. MATRIK : 802640)**

Calon untuk Ijazah **Sarjana Pendidikan (Kurikulum & Pengajaran)**  
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk  
(has presented his/her project paper of the following title)

**SIKAP PELAJAR SUKU KAUM SULUK DAN HUBUNGANNYA DENGAN**

**MOTIVASI TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI**

**BAHASA KEDUA SEKOLAH RENDAH.**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.  
(as it appears on the title page and front cover of project paper is acceptable in form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the project paper)

Nama Penyelia : **Dr. Ruzlan Md Ali**  
(Name of Supervisor)

Tandatangan :  
(Signature)

Tarikh : **8 Mei 2010**  
(Date)

## **KEBENARAN MENGGUNA**

Penyerahan projek sarjana ini sebagai memenuhi keperluan pengajian lepas ijazah sarjana Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju supaya pihak perpustakaan bersetuju bahawa kebenaran membuat salinan keseluruhan atau sebahagian daripadanya untuk tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau Dekan Akademik, UUM *College Of Arts And Sciences*, Universiti Utara Malaysia. Sebarang penyalinan, pengambilan atau penggunaan keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk tujuan komersil adalah tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya dan penyelia. Di samping itu, pengiktirafan daripada saya dan Universiti Utara Malaysia wajar diberikan dalam sebarang bentuk kegunaan bahan-bahan yang terdapat dalam kertas projek ini. Permohonan untuk membuat salinan atau kegunaan-kegunaan lain sama ada secara keseluruhan atau sebahagian boleh dibuat dengan menulis kepada:

**Dekan Akademik,  
UUM College Of Arts And Sciences,  
Universiti Utara Malaysia,  
06010, Sintok,  
Kaedah Darul Aman.**

## PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinya kajian ini telah dapat saya sempurnakan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia saya Dr. Ruzlan Md. Ali atas segala bimbingan, teguran dan saranan yang membina sepanjang saya menjalankan kajian ini. Teramat terhutang budi kepada Dr. Lawrance John selaku konsultan program master yang bertungkus lumus menjayakan program ini dan sentiasa memberi bimbingan dan kata nasihat dari masa ke semasa. Kepada pensyarah-pensyarah yang tidak mengira penat lelah dalam bimbingan dan saluran ilmu iaitu Profesor Madya Dr. Mohd Izam Bin Ghazali, Dr. Arsaythamby Veloo, Profesor Dr. Nurahimah Mohd. Yusoff, Profesor Madya Dr. Abdul Malik Abdul Karim, Dr. Abdull Sukor Shaari, Dr. Abdul Halim Mohammed dan Dr. Hamidah Bee Bi Abdul Hamid.

Penghargaan ini juga ingin saya rakamkan kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam melicinkan kajian ini, iaitu Bahagian Perancangan Penyelidikan Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, Pejabat Pelajaran Daerah Sandakan Sabah, Guru Besar Sk. Karamunting Puan Indah Hj. Santong, Guru Besar Sk. Pulau Madang Encik Mohd Burah Bin Sapni, Guru Besar Sk. Bahagia Encik Micheal Ubin@ Azmi dan semua pihak yang terlibat dengan kajian ini.

Tidak lupa sekalung terima kasih saya tujukan kepada rakan-rakan yang telah memberikan idea, bahan, perangsang dan nasihat, rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dan memberi sokongan moral antaranya Mohd. Aris Arsyad, Siti Maryam Binti Hj. Latuwo, Donny, Nancy Ng Nyen, Vickneswaran, Selina dan rakan-rakan yang lain.

Akhir sekali, kesempatan ini juga saya tujukan khas kepada suami tercinta, Sharif Ibrahim@Musaran Sharif Musai yang sentiasa memberi dorongan dan semangat sepanjang kursus ini dijalankan, puteriku Sharifah Nur Saidatul Sharif Ibrahim yang sedang menuntut di Universiti Mourduch Perth Western Australia dalam jurusan undang-undang yang telah banyak memberikan sumbangan penyediaan journal dan artikel yang berkaitan dengan artikel review, puteraku yang sulung Sharif Syahrizan Sharif Ibrahim atas bantuan portal laman web yang sedang menuntut di Kuala Lumpur Metropolitan University dalam jurusan Multimedia Seni Grafik Komputer, puteraku Sharif Hassim Sharif Ibrahim yang sedang menuntut di SMK St. Mary dalam tingkatan enam, Sharif Mohd Syahzairim Sharif Ibarahim, Sharif Mohd Ayub Sharif Ibrahim, puteri bungsuku Sharifah Adibah Sharif Ibrahim dan Sharifah Hasdijah Sharif Ahmadul yang sentiasa memahami dan memberikan sokongan moral yang tidak terhingga, material dan perangsang agar saya berjaya dalam pengajian ini kepada kedua ibu bapaku, iaitu Hj. Adris Gadja, Hajah Fátimah Bt. Uto ibu yang tercinta, adinda yang dikasihi Ab. Rahman Bin Adris, Sabariah Sapar, Pakcik Maimuni Uto dan Rosni serta kaum keluarga yang sentiasa mendoakan kesejahteraan dan kejayaan saya. Tanpa restu dan doa mereka belum tentu saya mampu mencapai kejayaan seperti yang telah saya capai pada hari ini.

## ABSTRAK

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenalpasti sikap pelajar suku kaum Suluk dan hubungannya dengan motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua sekolah rendah. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji perbezaan sikap dan motivasi di kalangan pelajar lelaki dan perempuan Suluk terhadap pembelajaran (BM). Kajian ini dilaksanakan berdasarkan model Socioeducational oleh Gardner (1985). Data diperolehi melalui instrumen soal selidik yang telah diubahsuai daripada kajian Chitra (2003) yang diadaptasi daripada kajian Setsuko Mori dalam ([www.tuj.ac.jp/tesol/press/paper0014/mori.htm](http://www.tuj.ac.jp/tesol/press/paper0014/mori.htm)). Sampel kajian telah dipilih secara rawak ke atas 100 orang pelajar lelaki dan perempuan berbangsa Suluk di tiga buah sekolah rendah iaitu dua buah sekolah rendah kawasan bandar gred A dan B dan sebuah sekolah rendah kawasan luar bandar gred B. Data dianalisis menggunakan perisian program SPSS Windows versi 12.0. Statistik yang digunakan ialah statistik inferensi deskriptif yang melibatkan frekuensi, skor min, peratusan dan sisihan piawai. Statistik ujian-t dianalisis pada tahap kesignifikan  $p < .05$  dan Korelasi Pearson pada tahap  $p < .01$  (2-ekor). Sikap ditinjau daripada aspek sikap terhadap (BM), minat terhadap (BM) dan sikap integratif. Motivasi pula ditinjau daripada aspek sikap terhadap (BM), keinginan untuk mempelajari (BM) sebagai bahasa kedua. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap dan motivasi pelajar lelaki dan perempuan terhadap pembelajaran (BM). Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan sikap yang positif dengan min yang tinggi terhadap pembelajaran (BM). Namun terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi di antara pelajar lelaki dan perempuan Suluk terhadap pembelajaran (BM) sebagai bahasa kedua sekolah rendah.

## ATTITUDES AND MOTIVATIONS OF SULUK STUDENTS TOWARDS THE LEARNING OF BAHASA MELAYU AS A SECOND LANGUAGE

### ABSTRACT

The aim of this case study is to determine the attitude and motivation of Suluk students towards the learning of the Malay Language (ML) as a second language of primary schools. It is also looking into the differences in attitude and motivation between the two genders of Suluk student learning of the Malay Language (ML) as a second language. This study uses Gardner Socio educational model (1985) as a basis of its conceptual framework. The instrument data is collected based on Chitra's study (2003) which is adopted from Setsuko Mori study ([www.tuj.ac.jp/tesol/press/paper0014/mori.htm](http://www.tuj.ac.jp/tesol/press/paper0014/mori.htm)). The data is distributed randomly to 100 respondents of primary four Suluk students. The respondents study in the town area A and B schools grade and one B grade rural area school. *The* data is analyzed using SPSS windows version 12.0 software. Statistics is analyzed using descriptive inferential, score min, standard deviation and percentage. Statistics independent-t test is analyzed at significant level of  $P < .05$  and Pearson Correlation at  $P < .01$  (2-tails). Attitude I s studied from the aspects of the attitude towards the speaker of the Malay Language (ML) and integrative attitudes. Meanwhile, motivation is studied based on the aspects of attitude towards the learning of Malay Language (ML) as a second language and the desire to learn the language. The result of the study indicates the existence of significant differences between the attitudes and motivation of two genders towards the learning of (ML). As a conclusion, the result of the study shows the positive attitudes with high min towards the learning (ML). And there is significant differences in motivation between the two genders of Suluk students towards the learning of the (ML) as a second language in the primary schools.



## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>KEBENARAN MENGGUNA</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii - xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>BAB I            PENGENALAN</b>	
1.1            Pendahuluan	1
1.2            Latar Belakang Kajian	1-2
1.3            Pernyataan Masalah	3-4
1.4            Kerangka Konseptual Kajian	5-7
1.5            Tujuan Kajian	8
1.5.1    Objektif Kajian	8
1.5.2    Persoalan Kajian	9
1.5.3    Hipotesis Kajian	9
1.6            Kepentingan Kajian	9-10
1.7            Batasan Penyelidikan	11
1.8            Definisi Operasional	11
1.8.1    Sikap	11
1.8.2    Pelajar	12
1.8.3    Suku Kaum Suluk	12
1.8.4    Pembelajaran	13
1.8.5    Bahasa Kedua	13

1.9	Rumusan	14
<b>BAB II</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1	Pendahuluan	15
2.2	Definisi dan Teori-teori Tentang Sikap	15
2.2.1	Sikap	15-18
2.3	Teori-Teori Sikap	19
2.3.1	Teori Prinsip Ketepatan Kognitif	19
2.3.2	Teori Sikap Fishbein dan Ajzen	19
2.3.3	Teori Kognitif Sosial	20
2.3.4	Teori Model ABC	20
2.4	Sikap dan Permasalahan Bahasa	21
2.5	Pembelajaran	22
2.6	Bahasa Melayu	23
2.7	Motivasi	23-24
2.8	Bahasa Kedua	25
2.9	Teori Model Sikap dan Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa	26-27
2.9.1	Pengaruh Luaran	28
2.9.2	Perbezaan Individu	28
2.9.3	Konteks Pemerolehan Bahasa	28
2.9.4	Hasil Pembelajaran	29
2.10	Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua	30-31
2.11	Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Kedua	32-33
2.12	Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran	34-35
2.13	Hubungan Sikap dan Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Kedua	36
2.14	Faktor-faktor Membantu Pembelajaran Bahasa kedua	37-38
2.15	Kajian-Kajian Berkaitan	39
2.15.1	Kajian Luar Negara	39-42
2.15.2	Kajian Dalam Negara	43-44

2.16	Rumusan	45
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pendahuluan	46
3.2	Reka Bentuk Kajian	46
3.3	Responden Kajian	47
3.4	Instrumen Kajian	48
3.4.1	Soal Selidik	49
3.4.1.1	Bahagian A: Butiran Umum	50
3.4.1.2	Bahagian B: Sikap dan Motivasi Bahasa Melayu	50
3.4.2	Bentuk Soal Selidik	51
3.5	Kajian Rintis	52-53
3.5.1	Kebolehpercayaan dan Kesahan Soal Selidik	54
3.6	Prosedur Kajian	55
3.7	Tatacara Penganalisan Data	55
3.7.1	Pengiraan Min, Peratus, Kekekapan dan Sisahan Piawai	56-58
3.7.2	Ujian –t	59
3.7.3	Ujian Korelasi Pearson	59
3.8	Rumusan	60
<b>BAB IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pendahuluan	61
4.2	Maklumat Latar Diri Pelajar	61-62
4.3	Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa kedua	63
4.3.1	Sikap Pelajar Suluk Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu	63
	A: Sikap Terhadap Penutur Bahasa Melayu	63
	B: Minat Terhadap Bahasa Melayu	64
	C: Sikap Integratif	65
	D: Sikap Terhadap Pembelajaran Bahasa Mealyu	66-67

4.3.2	Motivasi Pelajar Suluk Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	68
	E: Keinginan Untuk Mempelajari Bahasa Melayu	68
	F: Motivasi Instrumental	69-70
4.3.3	Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Dalam Motivasi Pelajar Suluk Lelaki dan Perempuan Terhadap Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua	71
4.3.4	Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Sikap dan Motivasi Pelajar Suluk Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua	72
4.4	Rumusan	73
<b>BAB V</b>	<b>RUMUSAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.1	Pendahuluan	74
5.2	Ringkasan Kajian	74
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	75
	5.3.1 Rumusan Persoalan Kajian	75
	5.3.2 Rumusan Dapatan Lain	76
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian	77
5.4.1	Sikap dan Motivasi Pelajar Suluk Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua	77-78
5.4.2	Perbezaan Sikap dan Motivasi Antara Jantina terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu	79
5.5	Implikasi Kajian	80
5.5.1	Pelajar	80
5.5.2	Sekolah dan Guru Bahasa	81

5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	82-83
5.7	Rumusan	84-85

<b>RUJUKAN</b>		<b>86-90</b>
----------------	--	--------------

#### **LAMPIRAN**

A	Borang Soal Selidik	91
B	Data Statistik	92
C	Surat-Surat Kebenaran	93

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
3.1	Taburan Responden kajian	47
3.2	Bilangan Item Berdasarkan Konstrak	51
3.3	Indeks Kebolepercayaan Soal Selidik	53
3.4	Skala Likert Lima Mata	56
3.5	Interpretasi Skor Min	57
3.6	Petunjuk Tahap Sikap Keseluruhan Berdasarkan Skor Min	58
3.7	Petunjuk Tahap Motivasi Keseluruhan Berdasarkan Skor Min	59
4.1	Profil Responden Kajian	62
4.2	Taburan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Melayu Secara Keseluruhan	63
4.3	Minat Terhadap Bahasa Melayu	64
4.4	Sikap Integratif	65
4.5	Sikap Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu	66
4.6	Tahap Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu	67
4.7	Keinginan untuk Mempelajari Bahasa Melayu	68
4.8	Motivasi Instrumental	69
4.9	Tahap Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu	70
4.10	Keputusan Ujian-t Bagi Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua	71
4.11	Korelasi Pearson Antara Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua	72

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Halaman
1.1 Kerangka Konseptual Kajian Sikap dan Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Di Kalangan Pelajar Suluk. Adaptasi daripada model socioeducational Oleh Gardner (1985)	7
2.1 Teori pemerolehan bahasa asing sebagai bahasa kedua dalam Model <i>Socioeducational</i> oleh Gardner (1985)	27

## SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
BI	Bahasa Inggeris
ML	<i>Malay Languge</i>
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
EPRD	Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
M	Min
SP	Sisihan Piawai



# **BAB I**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Bab ini menjelaskan tentang kajian yang dijalankan meliputi pernyataan masalah, objektif penyelidikan, soalan penyelidikan dan hipotesis, signifikan kajian, batasan penyelidikan, definisi istilah atau operasional untuk menjelaskan beberapa perkara iaitu tentang sikap pelajar suku kaum Suluk pelajar tahun empat di tiga buah sekolah dua daripadanya sekolah gred A dan B kawasan bandar dan sebuah sekolah di luar bandar gred B di daerah Sandakan Sabah terhadap pembelajaran dan motivasi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah KBSR tahun empat tahap dua.

### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Mengikut Aishah, Azizah dan Sri Rahayu (2000), kebanyakan suku kaum pribumi Sabah tertumpu di kawasan persisiran pantai terutamanya pantai barat dan pantai timur di muara dan lembah sungai dan kawasan perbukitan di daerah pedalaman. Kedudukan petempatan menentukan corak ekonomi, sosial pendidikan dan kebudayaan yang diamalkan.

Pada abad ke 16, Sabah terletak di bawah jajahan pemerintahan kesultanan Brunei sehingga pertengahan kedua abad ke 19. Pengaruh kesultanan Brunei mula merosot pada

abad ke 18 dan sebahagian daripada jajahan itu, dari Kimanis ke Sungai Sibuku diserahkan kepada **Kesultanan Sulu** sebagai balasan membantu kesultanan Brunei menghapuskan pemberontakan di Pulau Chermin. Sultan Brunei hanya menguasai daerah kecil di pantai barat Sabah. Manakala daerah-daerah kecil lain dikuasai pembesar-pembesar baik di pantai barat mahupun di pantai timur telah memeluk agama Islam.

Pada pertengahan kedua abad ke 19, Syarikat Berpiagam Borneo Utara British berjaya mendapatkan Sabah daripada kedua-dua kesultanan itu dan sekaligus memerintah Sabah sehingga tahun 1941. Maka ekoran daripada peristiwa itu penghijrahan suku kaum Suluk daripada Filipina ke Sabah semakin bertambah dari tahun ke setahun sehingga ke hari ini suku kaum Suluk ini merupakan salah satu daripada suku kaum yang terdapat di Sabah dan penempatan mereka tertumpu di daerah Sandakan, Kunak, Tawau, Semporna, Kudat, Lahad Datu dan Kota Kinabalu serta di daerah-daerah yang lain dan seterusnya ada yang berhijrah ke Semenanjung Malaysia bekerja sebagai buruh kasar dan tidak kurang yang bekerja di agensi-agensi swasta dan kerajaan pada hari ini.

Oleh kerana bahasa pertama yang digunakan oleh pelajar suku kaum Suluk ini bukan Bahasa Melayu maka, sikap terhadap Bahasa Melayu ini mempunyai pelbagai masalah iaitu dari segi pembelajaran dan motivasi yang akan memberikan kesan terhadap pembelajaran mereka dari sekolah rendah sehinggalah ke sekolah menengah.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Di dalam Akta Pelajaran 1961 dan seksyen 17, Akta Pendidikan 1996 (Hassan, 1999) menyatakan tentang kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah. Di mana akta tersebut menyatakan kedudukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah atau institusi-institusi pendidikan, kecuali di sekolah jenis kebangsaan atau mana-mana institusi pendidikan yang diberi pengecualian oleh kementerian Pendidikan Malaysia. Di dalam Akta Pendidikan 1996 itu memperakui bahawa kemajuan negara dari segi ekonomi, sosial, rohani, moral dan etika perlu dicapai melalui satu sistem pendidikan kebangsaan yang berbahasa pengantar bahasa kebangsaan, menggunakan satu bentuk kurikulum dan sistem peperiksaan yang sama (Juriah, 2002) sama ada di sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Kenyataan di dalam sistem pendidikan itu juga diharapkan dapat memenuhi tuntutan dan aspirasi negara untuk menjadikan Malaysia negara maju sepenuhnya pada tahun 2020 dan untuk mencapai misi Nasional Pendidikan ke arah pembangunan modal insan.

Faktor kelemahan penguasaan bahasa kedua di kalangan pelajar berkait rapat dengan sikap dan motivasi pelajar untuk mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Situasi ini dapat diperhatikan melalui sikap yang juga merupakan faktor penting di dalam menentukan kejayaan pelajar dalam mempelajari bahasa kedua mereka (Gardner, 1982). Masalah sikap yang negatif seperti membenci atau memandang rendah kepada sesuatu bahasa menyukarkan pembelajaran bahasa. Di mana selain sikap, motivasi juga memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa kedua. Kenyataan Gardner dan Lambert (1972), menyentuh tentang motivasi terbahagi kepada

dua, iaitu motivasi integratif dan instrumental. Di dalam motivasi integratif bermaksud sikap positif pelajar terhadap kumpulan penutur bahasa sasaran serta keinginan untuk berintegrasi dengan penutur bahasa tersebut. Manakala motivasi instrumental pula merujuk kepada faedah-faedah yang diperoleh sekiranya pelajar menguasai bahasa tersebut sebagai bahasa kedua mereka. Kenyataan tersebut menyatakan jika pelajar mempunyai motivasi integratif dan instrumental yang tinggi, pelajar lebih mudah mempelajari dan menguasai bahasa itu sebagai bahasa kedua mereka.

Walaupun terdapat usaha-usaha berterusan melalui penyediaan kemudahan pendidikan, masalah kemerosotan penguasaan Bahasa Melayu di kalangan pelajar Bumiputera Sabah, khususnya di luar bandar masih belum dapat diatasi. Maka kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sikap dan motivasi pelajar Suluk dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Adalah diharapkan hasil kajian ini boleh memberi gambaran yang lebih jelas tentang sikap dan motivasi pelajar tersebut terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Sikap memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi personaliti individu yang lain, sikap pelajar suku kaum Suluk sekolah rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dapat dilihat dengan jelas dari segi sikap pelajar itu sendiri, gaya pembelajaran dan motivasi, sikap ibu bapa, kaedah dan pendekatan guru-guru Bahasa Melayu serta keberkesannya terhadap penguasaan dan pencapaian pelajar Suluk tersebut di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah sebagai bahasa kedua mereka.

Mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras atau wajib dipelajari oleh setiap pelajar pelbagai bangsa. Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang dilaksanakan di semua sekolah pada tahun 1983 dibentuk berlandaskan perakuan 57(a) Laporan Kabinet 1988, Kementerian Pendidikan Malaysia (2000, 2003). Ini termasuklah semua suku kaum terdapat di Malaysia tidak kira daripada rumpun mana sekalipun.

Setiap pelajar diwajibkan untuk mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu ini disebabkan syarat dalam kurikulum pendidikan Malaysia sebagai satu mata pelajaran yang wajib di seluruh sekolah, sama ada di sekolah rendah ataupun sekolah menengah.

#### **1.4 Kerangka Konseptual Kajian**

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan model *Socioeducational* oleh Gardner (1985). Model ini menjelaskan sikap dan motivasi pelajar terhadap bahasa kedua dipengaruhi oleh ciri-ciri sosial yang terdapat di sekitarnya. Para pelajar yang datang dari latar belakang keluarga dan masyarakat yang berbeza akan mempamerkan sikap yang berbeza terhadap bahasa asing. Ciri-ciri sosial boleh dibahagikan kepada dua aspek yang saling berkaitan dalam pembelajaran bahasa kedua. Aspek pertama ialah persekitaran sosial *social milieu* dan kedua ialah aspek motivasi untuk mempelajari bahasa kedua.


Dalam model Gardner (1985), persekitaran sosial merujuk kepada suasana di mana pembelajaran bahasa kedua berlaku. Ini bermaksud pelajar mempelajari bahasa kedua kerana dia tinggal dengan masyarakat penutur natif. Keadaan ini akan menentukan sikap

penutur bahasa kedua terhadap budaya dan penutur natif. Sikap tersebut mempunyai kesan yang besar terhadap pembelajaran bahasa kedua. Menurut Gardner lagi, faktor motivasi merupakan faktor penting selepas sikap dalam pembelajaran bahasa kedua. Motivasi merujuk kepada tujuan dan matlamat pelajar mempelajari bahasa kedua. Terdapat dua jenis motivasi, iaitu motivasi ekstrinsik dan motivasi intrinsik. Motivasi ekstrinsik merupakan faktor-faktor yang terdapat di luar bilik darjah, manakala motivasi intrinsik dibahagikan kepada dua, iaitu motivasi instrumental dan motivasi integratif. Walau bagaimanapun, faktor motivasi banyak dipengaruhi oleh sikap positif terhadap kumpulan bahasa sasaran.

Berdasarkan model tersebut, Gardner telah menggunakan suatu alat pengukuran sikap dan motivasi yang diberi nama *The Attitude Or Motivation Test Battery (AMBT)*. Alat pengukuran AMBT ini mengukur sikap dengan tiga skala, iaitu sikap terhadap kumpulan bahasa sasaran, minat dalam bahasa sasaran dan sikap integratif dalam pembelajaran bahasa kedua. Motivasi pula dinilai dengan tiga skala juga, iaitu sikap terhadap pembelajaran bahasa kedua, keinginan untuk mempelajari bahasa kedua dan motivasi instrumental.

Berdasarkan model ini, kerangka konseptual kajian dibentuk seperti yang terdapat dalam Rajah 1.1. Dalam kerangka konseptual ini, sikap dibahagikan kepada beberapa kategori seperti sikap terhadap masyarakat Melayu, minat dalam Bahasa Melayu dan sikap integratif. Sikap masyarakat terhadap bahasa sasaran merujuk kepada tanggapan pelajar Suluk terhadap masyarakat Melayu. Minat dalam Bahasa Melayu membawa maksud sejauh mana pelajar Suluk berminat mempelajari Bahasa Melayu.

Sikap integratif bermaksud pelajar Suluk mempelajari Bahasa Melayu semata-mata untuk berinteraksi dengan masyarakat Melayu.



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian Sikap dan Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Di Kalangan Pelajar Suluk. Adaptasi daripada Model Socioeducational oleh Gardener (1985).

Sementara motivasi pula dikategorikan kepada sikap terhadap pembelajaran Bahasa Melayu, keinginan untuk mempelajari Bahasa Melayu dan motivasi instrumental. Sikap terhadap pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan Suluk boleh berbentuk positif atau negatif. Keinginan untuk mempelajari Bahasa Melayu merujuk kepada keseronokan pelajar Suluk mempelajari Bahasa Melayu sebagai dorongan bagi memenuhi keperluan

utilitarian seperti untuk mendapat gaji yang lumayan dan syarat lulus di dalam peperiksaan.

## **1.5 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sikap dan motivasi pelajar Suluk di sekolah rendah kebangsaan di daerah Sandakan Sabah dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian ini juga untuk mengenal pasti sejauh manakah terdapat perbezaan sikap dan motivasi pembelajaran Bahasa Melayu berdasarkan jantina.

### **1.5.1 Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai beberapa objektif untuk memenuhi tujuan kajian, iaitu untuk mengkaji:

1. Mengetahui sikap pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.
2. Mengetahui motivasi pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.
3. Menentukan perbezaan yang signifikan dalam motivasi pelajar Suluk lelaki dan perempuan terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.
4. Menentukan hubungan yang signifikan antara sikap dan motivasi pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.



### **1.5.2 Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan, kajian ini akan dapat menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Bagaimanakah sikap pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua?
2. Bagaimanakah motivasi pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua?
3. Adakah terdapat perbezaan antara sikap dan motivasi pelajar lelaki dan perempuan Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan sikap dan motivasi pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua?

### **1.5.3 Hipotesis Kajian**

H<sub>0</sub>1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi pelajar Suluk lelaki dan perempuan terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

H<sub>0</sub>2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan motivasi pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kebolehan menguasai Bahasa Melayu di kalangan pelajar amat penting. Ini selaras dengan tuntutan Akta Pendidikan 1996 yang memperakui kemajuan negara perlu dicapai

melalui sistem pendidikan kebangsaan yang berbahasa pengantar bahasa kebangsaan sebagai pengantar utama. Di samping penguasaan Bahasa Melayu, pelajar juga perlu menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Kita sedia maklum bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia berhasrat mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini yang menawarkan pendidikan bertaraf dunia.

Kajian yang dijalankan ini dapat dijadikan asas perancangan pendidikan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan pengurusan pendidikan, khususnya Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, pejabat-pejabat pelajaran daerah dan sekolah. Sebagai usaha lanjutan, pihak yang bertanggungjawab bagi meningkatkan prestasi kecemerlangan Bahasa Melayu terutama bagi pelajar-pelajar luar bandar dapat memahami faktor dalaman diri pelajar, seperti sikap dan motivasi mereka terhadap pembelajaran bahasa kedua selaras dengan tuntutan Akta Pendidikan 1996.

Hasil kajian ini juga diharap dapat memberikan pemahaman tentang pemikiran pelajar terhadap Bahasa Melayu kepada guru mata pelajaran dan situasi kelas pengajaran bahasa berkenaan. Pihak pejabat pelajaran daerah dan sekolah diharap dapat mengenal pasti dapatan kajian ini sebagai asas merancang kajian tindakan *action research* secara kecil-kecilan untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam menghadapi pelajaran mereka, khususnya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

Sikap adalah salah satu faktor penting yang dapat merangsang motivasi terhadap pembelajaran bahasa kedua di kalangan pelajar. Maka dengan itu, perubahan sikap ke arah lebih positif dianggap sebagai titik tolak merangsang motivasi, seterusnya

meningkatkan pembelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, dengan mengenal sikap, diharap sekolah dan guru dapat merancang dan melaksanakan pelbagai pendekatan yang sesuai dengan kebolehan pelajar.

## **1.7 Batasan Penyelidikan**

Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah rendah Kebangsaan sekolah gred A dan B kawasan bandar dan sekolah gred B di kawasan luar bandar. Populasi yang terlibat terdiri daripada 130 orang pelajar tahun 4 tahap dua. Oleh itu generalisasi yang akan dibuat berikutnya adalah terbatas dari segi penggunaannya di sekitar daerah Sandakan sahaja dan tidak dapat untuk digeneralisasikan kepada semua sekolah di Sandakan Sabah mahupun di seluruh negara.

## **1.8 Definisi Operasional**

Keterangan beberapa definisi istilah penggunaan operasional dalam kajian ini dihuraikan seperti berikut:

### **1.8.1 Sikap**

Abdullah Musa (2007) menyatakan bahawa sikap, merupakan reaksi evaluatif terhadap sesuatu referen atau objek sikap, dirumuskan berdasarkan kepercayaan atau pendapat seseorang individu tentang sesuatu referen. Kecenderungan sikap ini sama ada secara mental atau emosi diukur dengan skala penilaian sama ada bersikap positif atau negatif.

Di dalam kajian ini, sikap menjurus kepada tanggapan seseorang pelajar suku kaum Suluk terhadap Bahasa Melayu sebagai satu mata pelajaran dan bahasa pengantar pendidikan di sekolah.

### **1.8.2 Pelajar**

Pelajar di sini bermaksud pelajar lelaki dan perempuan yang berbangsa Suluk belajar di sekolah rendah dalam tahun 4 tahap 2 di daerah Sandakan Sabah.

### **1.8.3 Suku Kaum Suluk**

Mengikut Asreemoro (2007) dalam konteks istilah, Suluk atau orang Suluk adalah merujuk kepada kaum Tausug, iaitu kaum dominan di Sulu. Orang Tausug juga digelar orang Suluk oleh masyarakat Melayu Brunei atau Borneo dan Sulawesi disebabkan kesukaran mereka menyebut **Tausug**.

Tausug adalah perkataan asal dari perkataan Suluk atau orang Suluk. Orang-orang Melayu Brunei, Sabah, Kalimantan atau Sulawesi memanggil orang Tausug sebagai orang Suluk. Tausug adalah kaum majoriti di Kepulauan Sulu dan mempunyai sejarah kesultanan yang panjang sejak bermula kedatangan Islam ke Sulu pada tahun 1456 M lagi. Bangsa ini telah menjadi gemilang dan terbilang setelah mereka kesemuanya menganut Islam. Dari segi bahasa, Suluk berasal dari istilah Tasawwuf dan lafaznya adalah Bahasa Arab. Maka Suluk membawa maksud orang yang menyibukkan dirinya dengan zikrullah (mengingat dengan menyebut nama Allah s.w.t sebanyak-banyaknya) di

satu tempat tertentu. Manakala dari kata jamaknya "Salik" iaitu seseorang yang menempuh jalan bersuluk mendekati diri kepada Allah s.w.t mengikut kaedah tasawwuf, membersihkan atau memurnikan rohaninya dengan menjadikan Allah s.w.t sahaja sebagai tujuan hidup dan matinya.

#### **1.8.4 Pembelajaran**

Elington dan Earl (1999), pembelajaran merujuk kepada perubahan tingkah laku yang agak kekal akibat latihan dan pengalaman. Manakala Slavin (1991), menyatakan bahawa pembelajaran merupakan sesuatu perubahan tingkah laku seseorang individu akibat daripada pengalaman individu berkenaan. Huraian dalam kajian ini, pembelajaran adalah merujuk kepada pengalaman atau pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bagi pelajar suku kaum Suluk.

#### **1.8.5 Bahasa Kedua**

Dalam *Language Two*, mendefinisikan pemerolehan sebagai proses pembelajaran bahasa asing selepas mengetahui asas bahasa pertama di mana akan bermula di peringkat umur lima tahun atau selepas umur tersebut. Cook (1991) mentakrifkan bahasa kedua ialah bahasa yang dipelajari oleh seseorang individu sebagai tambahan kepada bahasa ibunda yang telah sedia ada dimiliki oleh mereka. Manakala Oxford dan Shearin (1994), menyatakan bahawa bahasa kedua dipelajari oleh seseorang apabila berhadapan dengan keperluan untuk menggunakan bahasa lain selain daripada bahasa ibunda untuk

berinteraksi atau berkomunikasi. Dalam kajian ini, bahasa kedua bagi pelajar suku kaum Suluk ialah Bahasa Melayu.

### **1.9 Rumusan**

Berdasarkan teori, penulisan dan kajian, menunjukkan bahawa sikap mempunyai hubungkaitnya dengan gaya pembelajaran dan motivasi. Apabila seseorang itu mempunyai sikap yang positif terhadap sesuatu bahasa, maka gaya pembelajaran juga menunjukkan sikap yang positif dan begitu juga motivasi akan tercetus dengan sendirinya ke arah pembelajaran yang berkesan. Ini mempunyai hubungannya dengan pencapaian pelajar tersebut di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Maka untuk merealisasikan realitinya, implementasi para pendidik perlu mengambil kira reflektif di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua bagi pelajar yang bukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pertamanya seperti pelajar suku kaum Suluk ini.

## **BAB II**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan berkaitan dengan sikap hubung kaitnya dengan pembelajaran dan motivasi terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di sekolah rendah. Di samping tumpuan kepada contoh-contoh kajian empirikal socioeducational berkaitan dengan sikap dan motivasi.

#### **2.2 Definisi dan Teori-Teori Tentang Sikap**

##### **2.2.1 Sikap**

Mengikut Petty, Fasio dan Brirol (2009), di dalam model MODE AUTOMATIC, sikap diukur lebih seperti refleks tentang kebenaran perlakuan daripada penilaian secara eksplisit sama ada perlakuan yang dilakukan dengan sengaja menuju ke arah pengaliran aktiviti kognitif iaitu dalam hubungan di antara mental dan idea. Di sini sikap mewakili aspek maklumat semantik kognitif yang mempunyai hubungan dengan tindakan emosi kesan daripada penilaian yang dapat membantu pelbagai konteks mewakili sikap yang bermakna atau positif dalam kadar yang stabil secara konsisten daripada situasi yang dialami kepada situasi yang lain.

Sikap adalah suatu konsep paling penting dalam psikologi sosial. Banyak kajian dilakukan untuk merumuskan pengertian tentang sikap, proses terbentuknya sikap, mahupun proses perubahannya. Penelitian telah dilakukan terhadap sikap untuk mengetahui kesan dan peranannya baik sebagai pembolehkan bebas mahupun sikap pembolehkan tergantung (Y. Bagus, 2008).

Sikap sebagai, kesiapan dari Psike untuk bertindak atau bereaksi dengan cara tertentu. Sikap sering muncul dalam bentuk sama ada disadari atau disebaliknya. Sikap adalah konsep atau tidak sukanya seseorang pada sesuatu. Sikap adalah pandangan positif, negatif atau neutral terhadap objek sikap manusia perilaku atau kejadian. Sikap muncul dari berbagai bentuk perilaku. Sikap dikembangkan dalam tiga model iaitu afeksi kecenderungan perlaku dan kognisi (dalam Y. Bagus, 2008).

Cunningham, W.A dan Johanson, M.K (2007), sikap merujuk di mana keyakinan yang mungkin wujud atau berlaku kepada seseorang atau kumpulan sama ada menerima, mendengar atau mencegah komunikasi daripada kalangan individu atau kumpulan. Khususnya di dalam persekitaran keyakinan berjaya diwujudkan apabila perubahan sikap dikehendaki secara berterusan. Perubahan sikap dikehendaki secara berterusan. Perubahan sikap secara teknik eksplisit dan implisit juga merupakan penilaian yang semulajadi secara eksplisit dan implisit mengikut asas kepada perubahan psikologi.

Strack dan Deutsch (2004), sikap merupakan ukuran secara eksplisit dan implisit dalaman dan luaran bukan juga sebagai pengukuhan yang berterusan. Sikap ialah kesediaan mental yang tersusun hasil daripada pelbagai pengalaman individu. Ini



memberi maksud sikap ialah kepercayaan atau keinginan mendalam seseorang terhadap objek, isu dan institusi.

Sikap lazimnya didefinisikan sebagai kecemerlangan untuk maklum balas secara positif ataupun negatif berkaitan perkara tertentu seperti idea, situasi ataupun dengan pendapat dan kepercayaan serta berdasarkan kepada pengalaman kita. Oleh kerana sikap lazimnya berhasil dengan interaksi individu dengan orang lain, ia mewakili aliran antara kognitif dengan psikologi sosial. Perubahan pendapat dapat menghasilkan perubahan sikap. Perubahan sikap ini bergantung pada kehadiran ganjaran. Penerimaan pendapat baru bergantung kepada insentif yang ditanam dalam komunikasi.

Dalam teori percanggahan kognitif menyatakan bahawa sikap disebabkan oleh konflik kepercayaan beberapa faktor yang menentukan kekuatan percanggahan dipilih bagi mengubah sikap. Dengan memanipulasikan faktor-faktor ini perubahan sikap juga adalah salah satu daripada lima kategori utama hasilan pembetulan yang diutamakan dalam kajian teoretikal.

Mohd Yusoff (2000), mendefinisikan sikap sebagai perasaan yang wujud dalam diri seseorang. Sikap biasanya adalah berkaitan dengan perasaan suka atau benci yang wujud secara langsung di dalam diri seseorang. Sikap ini kemudiannya akan melibatkan tindakan seseorang. Sikap juga adalah kecenderungan umum seseorang untuk bertindak di dalam bentuk tertentu apabila berhadapan dengan keadaan atau situasi yang tertentu.

Davidio, Kamakami dan Gaertner (2002), menyatakan pada dasarnya kajian sikap merunsingkan disebabkan berkaitan dengan ramalan tingkah laku sebagai satu tanggungjawab yang terbukti lebih rumit. Pada andaian dan gambaran permulaan ahli psikologi bahawa sikap dan tingkah laku lebih kepada penjelajahan yang tepat dan ramalan berbeza-beza tentang aspek tingkah laku seseorang individu.

Sikap seseorang itu adalah terdiri daripada tiga komponen iaitu pengetahuan dan kepercayaan terhadap sesuatu perkara. Ianya kemudian akan membentuk komponen kedua sikap iaitu perasaan (emosi) sama ada suka atau tidak terhadap perkara tersebut lalu akan membentuk tindakan bagi menginterpretasikan perasaan mereka. Sikap juga adalah kecenderungan psikologi yang ditunjukkan melalui penilaian kepada sesuatu benda atau situasi. Sikap boleh menjadi negatif, neutral atau positif. Sikap juga dikatakan sebagai pendirian seseorang individu.

Menurut Jeffrey Timmons Henderson (1994), penyertaan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak amat mempengaruhi kecenderungan dan pencapaian anak-anak di samping memperbaiki sikap anak-anak. Gardner (1985), berpendapat sikap sebagai reaksi evaluatif terhadap sesuatu referen atau objek. Sikap disimpulkan berdasarkan kepercayaan atau pendapat seseorang individu tentang sesuatu referen. Bagi Byram et al. (1994), sikap sebagai kecenderungan atau tabiat seseorang terutamanya yang ditunjukkan melalui tingkah laku, perasaan dan pemikiran. Kecenderungan ini sama ada secara mental atau emosi diukur dengan skala penilaian sama ada bersikap positif atau negatif. Di dalam kajian ini sikap merujuk kepada tanggapan seseorang pelajar terhadap Bahasa Melayu sebagai satu mata pelajaran dan bahasa pengantar pendidikan mengikut

kurikulum sekolah rendah (KBSR) dan sebagai bahasa kedua mereka di dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

## **2.3 Teori-Teori Sikap**

### **2.3.1 Teori Prinsip Ketetapan Kognitif**

Di dalam teori ketetapan kognitif terdapat tiga elemen yang penting iaitu teori persamaan, teori keseimbangan dan teori percanggahan kognitif. Komponen teori persamaan dan teori keseimbangan digunakan dalam melihat perubahan-perubahan sikap yang berlaku dalam aspek objektif secara eksplisit. Seterusnya di dalam komponen teori percanggahan kognitif pula menerangkan tentang pembentukan sikap melalui komponen perlakuan. Menurut teori ini, seseorang yang disuruh melakukan sesuatu yang bertentangan dengan orientasi sikapnya, akhirnya akan menyebabkan sikap seseorang itu akan berubah mengikut keadaan persekitaran. Proses perubahan ini boleh berlaku dengan cara memberi penegasan dan ganjaran (Brown dalam Aleas 1999).

### **2.3.2 Teori Sikap Fishbein dan Ajzen**

Menurut Mohamad (2003), teori ini menekankan dua pembolehubah di peringkat permulaan iaitu kepercayaan dan sikap. Manusia diramalkan bersifat rasional dan secara sistematik menggunakan maklumat yang telah sedia ada untuk diaplikasikan. Segala maklumat tersebut akan memberikan kesan kepada sikap dan kepercayaan seseorang individu. Fasa di dalam proses ini akan berlanjutan untuk mewujudkan kepercayaan baru

yang akhirnya membawa kepada perubahan tingkah laku oleh seseorang. Teori ini telah dipelopori oleh Fishbein dan Ajzen pada tahun 1975.

### **2.3.3 Teori Kognitif Sosial**

Teori ini telah dipelopori oleh Albert Bandura yang menjurus kepada teori pembelajaran konstruktivisme dan beliau telah memperkenalkan teori ini. Sebelum teori ini beliau telah memelopori teori pembelajaran sosial yang dibina atas prinsip-prinsip sosial yang dibina atas prinsip-prinsip pelaziman operan. Seseorang akan mempelajari beberapa contoh tingkah laku dengan memerhati dan meniru tingkah laku individu-individu yang mereka sukai. Di sini sikap juga dikatakan boleh dipelajari melalui proses yang sama. Ibu bapa, guru dan rakan sebaya adalah antara orang yang boleh memberi pengaruh yang kuat ke atas pembentukan sikap seseorang individu. Maka dengan itu para pelajar akan sedikit sebanyak memiliki sikap yang terdapat pada ibu bapa, guru atau rakan-rakan sekeliling mereka.

### **2.3.4 Teori Model ABC**

Mengikut teori ini sikap mempunyai tiga komponen yang terdiri daripada afek atau kesan emosi, tingkah laku dan kognisi. Di mana emosi atau afek yang positif dan negatif tentang sesuatu yang dialami oleh seseorang. Manakala tingkah laku pula ialah niat untuk melakukan sesuatu atau memaparkan sesuatu tingkah laku secara langsung tentang selaras dengan sikap kita alami. Sementara pula kognisi memperlihatkan cara kita berfikir dan menginterpretasikan sesuatu rangsangan bagi membentuk sikap yang selaras dengan

emosi dan tingkah laku yang telah sedia ada. Dengan itu sesuatu sikap akan mempunyai komposisi emosi, tingkah laku dan kognisi dan ketiga-tiga ini harus mempunyai interaksi antara satu dengan yang lain di dalam diri seseorang (Mahmood, 1992).

#### **2.4 Sikap dan Permasalahan Bahasa**

Perlakuan dan sikap terhadap pembelajaran bahasa sering diperbincangkan, kajian demi kajian telah dilakukan ke atas sikap dan hubungkaitnya dengan gaya pembelajaran terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Berdasarkan polemik Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah mula bergolak sejak penyata Razak 1956 dan diikuti dengan laporan Rahman Talib 1960 sebagai isu bahasa.

Permasalahan bahasa dan isu peralihan bahasa semasa berpindah ke sekolah dari sekolah rendah ke sekolah menengah juga dipolemikkan kerana pelajar bukan Melayu harus mengikuti kelas peralihan selama setahun bagi memperkukuhkan penguasaan dan penggunaan Bahasa Melayu. Ini bermakna pelajar Melayu mempunyai peluang untuk terus ke sekolah menengah tanpa mengikuti kelas peralihan (Abdullah, 1989).

Kajian telah dilakukan untuk menilai penilaian dan kelonggaran diberikan kepada pelajar bukan Melayu yang boleh menguasai dan menggunakan Bahasa Melayu dengan baik. Dalam polemik politik dalam pendidikan bahasa semakin memuncak apabila pada bulan Julai 1969 kerajaan Malaysia mengumumkan Dasar Pelajaran Baru dengan matlamat utama dasar menjadikan Bahasa Melayu sebagai pengantar di semua sekolah secara berperingkat-peringkat di seluruh negara.

## 2.5 Pembelajaran

Pembelajaran ialah memerlukan pengamatan yang dibantu oleh pengetahuan tugas kita. Individu yang diberi tugas sama ada secara bertulis mahupun secara lisan, pasti melakukan tugas itu mengikut arahan-arahan yang diberikan. Contohnya, seseorang pelajar melakukan tugas atau latihan yang diberikan oleh gurunya, Azizi, Asmah, Zurihanmi dan Fawziah (2008).

Manakala menurut Elington dan Earl (1999), pembelajaran merujuk kepada perubahan tingkah laku yang agak kekal akibat latihan dan pengalaman seseorang. Manakala Slavin (1991), mentakrifkan bahawa pembelajaran itu sebagai sesuatu perubahan tingkah laku seseorang individu akibat daripada pengalaman yang telah dialami oleh individu tersebut.

Tujuan utama pembelajaran membekalkan motivasi dalaman dan luaran sebagai rangsangan untuk menimbulkan minat pelajar dan menggerakkan mereka untuk belajar, (Abdullah, 2007).

Di dalam kajian ini, pembelajaran bermaksud proses pemerolehan kefahaman, pengetahuan dan kecekapan berbahasa melalui pengalaman atau proses pembelajaran Bahasa Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka di sekolah rendah tahun empat tahap dua.

## **2.6 Bahasa Melayu**

Bahasa kebangsaan Negara Malaysia ialah Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara yang berdaulat, Bahasa Melayu dipertanggungjawabkan memikul tugas sebagai bahasa pengantar di Malaysia seperti mana yang termaktub di dalam pernyataan Artikel 152 dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Senario ini, bererti Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi negara, bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan umum dan bahasa pengantar serta bahasa ilmiah di sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi (Nik Safiah et al, 1996). Di dalam kajian ini Bahasa Melayu merujuk kepada mata pelajaran Bahasa Melayu dan bahasa pengantar bagi mata pelajaran di peringkat sekolah rendah mengikut kurikulum kementerian Malaysia (KBSR).

## **2.7 Motivasi**

Mengikut Rahil, Jamiah dan Kasnani (2000), motivasi ialah keinginan dan desakan yang lahir dalam diri seseorang pelajar memberi penumpuan ke arah proses mendapat dan memperoleh maklumat atau perkara baru. Terdapat hubungan perbezaan yang ketara antara motivasi dan gaya seseorang dengan yang lain. Motivasi dan identiti diri seseorang adalah berkait rapat dengan pola atau pattern dan gaya pembelajaran.

Di peringkat awal motivasi dikaitkan dengan konsep desakan atau keinginan yang lahir dalam diri seseorang individu. Di mana keinginan dan desakan tersebut merupakan tenaga yang dipamerkan ke arah satu matlamat yang lazimnya untuk memperolehi kejayaan atau kepuasan dalam diri seseorang Dornyei (1990). Seterusnya,

konsep di peringkat awal tersebut dikembangkan lagi pada tahun 1930-an dan 1940-an dengan mengaitkan motivasi sebagai tahap aspirasi seseorang. Manakala di peringkat aspirasi ini pula mengaitkan motivasi sebagai tahap aspirasi seseorang. Situasi ini bersandarkan kepada dua faktor yang utama iaitu matlamat dan kepentingan matlamat yang akan dicapai. Dalam konteks pembelajaran motivasi amat penting kepada setiap pelajar kerana akan memperlihatkan usaha dan kesungguhan dan keprihatinan yang semakin tinggi dari masa ke semasa jika pelajar tersebut mempunyai motivasi. Maka dalam hubungan ini, tahap motivasi tersebut juga dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti umur, jantina, bilangan pelajar, sikap guru dan galakan atau dorongan daripada ibu bapa pelajar tersebut.

Motivasi merupakan keinginan untuk mencapai matlamat seseorang individu. Di dalam pembelajaran bahasa kedua, motivasi berperanan sebagai salah satu elemen yang amat penting dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar. Bagi Pelajar yang bermotivasi tinggi akan berasa seronok mempelajari bahasa kedua di mana mereka akan ingin belajar dan terus berusaha untuk mempelajari bahasa berkenaan sehingga dapat menguasainya dan berjaya di dalam setiap peperiksaan di dalam bahasa kedua Oxford dan Shearin (1994).

Dalam kajian ini, motivasi ialah merujuk kepada keinginan atau dorongan dalaman yang melibatkan usaha, minat, keinginan dan reaksi untuk mencapai matlamat pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua oleh pelajar suku kaum Suluk.



## 2.8 Bahasa Kedua


Di dalam Language Two, pemerolehan bahasa kedua ditakrifkan sebagai proses pembelajaran bahasa asing selepas mengetahui asas bahasa pertama yang bermula pada peringkat umur lima tahun atau selepasnya. Manakala Menurut Cook (1991), bahasa kedua ialah bahasa yang dipelajari oleh seseorang individu sebagai tambahan kepada bahasa ibunda yang sedia ada. Seterusnya Oxford dan Shearin (1994), menjelaskan bahawa bahasa kedua dipelajari oleh seseorang apabila berhadapan dengan keperluan untuk menggunakan bahasa lain selain daripada ibunda untuk berinteraksi dengan orang lain. Dalam kajian ini, bahasa kedua bagi pelajar suku kaum Suluk ini ialah Bahasa Melayu yang mesti mereka kuasai kerana bahasa ini digunakan dalam mempelajari bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah iaitu KBSR dan KBSM.

Gardner (1985) membuat rumusan bahawa reaksi evaluatif terhadap sesuatu referen atau objek. Elemen sikap disimpulkan berdasarkan kepercayaan atau pendapat seseorang individu tentang sesuatu referen. Bagi Byram et al (1994), sikap pula diandaikan sebagai kecenderungan atau tabiat seseorang terutamanya yang ditunjukkan melalui tingkah laku, perasaan dan pemikiran oleh seseorang individu. Kecenderungan ini sama ada secara mental atau emosi diukur dengan skala tanggapan seseorang pelajar terhadap Bahasa Melayu sebagai satu mata pelajaran dan bahasa pengantar pendidikan mengikut kurikulum sekolah rendah (KBSR).

## 2.9 Teori Model Sikap dan Motivasi Dalam Pembelajaran Bahasa

Teori sosiopsikologi pembelajaran bahasa yang telah dikemukakan oleh Gardner dan Lambert (1972) mengikut teori ini, kecenderungan *ethnocentric* seseorang pelajar terhadap bahasa kedua dan sikapnya terhadap kumpulan sosial bahasa itu dipercayai menentukan kejayaannya mempelajari bahasa berkenaan. Orientasi pelajar mungkin berbentuk instrumental sekiranya tujuan mempelajari bahasa kedua mencerminkan nilai utilitarian seperti untuk mendapatkan pekerjaan. Pelajar juga mungkin mempunyai orientasi integratif sekiranya tujuan mempelajari bahasa ialah untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang budaya komuniti bahasa berkenaan seolah-olah ingin menjadi ahli komuniti bahasa tersebut. Mereka mempercayai bahawa pelajar yang menunjukkan orientasi integratif terhadap pembelajaran bahasa dijangka lebih berjaya apabila mempelajari bahasa tersebut daripada mereka yang mempunyai orientasi instrumental.

Teori pemerolehan bahasa asing sebagai bahasa kedua oleh Gardner dan Smythe (1975), diterjemahkan melalui model teoritikal yang dikenali sebagai model *Socioeducational*. Model ini mempunyai beberapa versi yang terbit daripada beberapa perubahan dan pengubahsuaian dari semasa ke semasa (Au,1988). Model ini menjelaskan sikap dan motivasi pelajar terhadap bahasa kedua dipengaruhi oleh ciri-ciri sosial yang terdapat di sekitarnya. Para pelajar yang datang dari latar belakang keluarga dan masyarakat yang berbeza akan mempamerkan sikap yang berbeza terhadap bahasa asing. Selain itu, faktor-faktor seperti guru, rakan sebaya, aktiviti sekolah dan persekitaran akan menyokong sikap sedia ada pelajar terhadap pembelajaran bahasa tersebut.



Rajah 2.1 Teori Pemerolehan Bahasa Asing Sebagai Bahasa Kedua Dalam Model *Socioeducational* oleh Gardner (1985)

Berdasarkan Rajah 2.1, model ini mempunyai empat fasa yang mempunyai hubungan antara satu sama lain, iaitu pengaruh luaran (*social milieu*), perbezaan individu (*individual differences*), konteks pemerolehan bahasa (*language acquisition contexts*) dan hasil pembelajaran (*outcomes*).

### **2.9.1 Pengaruh Luaran**

Pengaruh luaran mempunyai dua pemboleh ubah yang penting, iaitu motivasi dan latar belakang pelajar itu sendiri. Di dalam konteks motivasi pula akan merujuk kepada guru, rakan sekelas serta aktiviti sekolah yang menyokong pembentukan sikap terhadap bahasa kedua yang dipelajari oleh seseorang individu. Manakala latar belakang pula merujuk kepada pengaruh daripada ibu bapa, keluarga dan masyarakat sekitar yang melatari perkembangan seseorang individu tersebut.

### **2.9.2 Perbezaan Individu**

Merujuk kepada dua pemboleh ubah yang penting, iaitu merujuk kepada sikap dan motivasi pelajar. Di mana motivasi integratif adalah hasil gabungan di antara sikap integratif dan sikap terhadap pembelajaran bahasa sebagai bahasa kedua.

### **2.9.3 Konteks Pemerolehan Bahasa**

Mengikut Magos (2008), pemerolehan bahasa kedua oleh pelajar di dalam kelas ialah melalui kemahiran asas yang diterima terutamanya oleh pendatang asing seharusnya berdasarkan sumber latihan yang digunakan. Begitu hubungannya dengan keadaan tempat tinggal, persekitaran, nilai penghargaan dan hubungan sosial dengan orang lain membantu secara berkesan dalam pemerolehan pembelajaran bahasa kedua. Situasi di dalam pemerolehan bahasa sebagai bahasa kedua boleh didapati sama ada secara formal atau informal. Dalam keadaan tertentu secara formal, pemerolehan bahasa merujuk kepada

pembelajaran yang diperolehi secara terancang, manakala pemerolehan bahasa informal dikaitkan dengan situasi pembelajaran melalui pengalaman oleh pelajar hubung kait dengan alam persekitarannya.

#### **2.9.4 Hasil Pembelajaran**

Di dalam leksikal hasil pembelajaran melibatkan aspek linguistik dan bukan linguistik. Intipati linguistik melibatkan pelbagai aspek kemahiran berbahasa. Kategori bukan linguistik pula merujuk kepada kesan seperti kebimbangan, kepelbagaian sikap, motivasi dan keazaman untuk mempraktikkan bahasa yang mencapai semantikanya.

Model socioeducational ini menekankan empat perkara yang penting iaitu, kepentingan faktor-faktor sosial dalam kajian pembelajaran bahasa asing sebagai bahasa kedua. Seterusnya pencapaian bahasa kedua bergantung kepada aspek kognitif dan efektif individu, sikap sebagai faktor yang bukan setakat mempengaruhi bahkan mendorong motivasi pelajar, dorongan dan motivasi sebagai asas pemerolehan bahasa melalui proses pembelajaran bahasa kedua, Kreamer (1993). Kesimpulannya model socioeducational yang dipelopori oleh Gardner (1985), merumuskan bahawa faktor-faktor sosial dan budaya yang mempengaruhi sikap dan hubungannya dengan motivasi pembelajaran bahasa asing sebagai bahasa kedua. Dengan jelas hubungan setiap pemboleh ubah dalam model ini dilihat melalui empat fasa yang penting iaitu pengaruh luar, perbezaan individu, konteks pemerolehan bahasa dan hasil pembelajaran bahasa oleh individu tersebut.

## **2.10 Pembelajaran Bahasa Melayu**

Bahasa kedua ialah bahasa yang dikuasai atau dipelajari selepas menguasai sedikit sebanyak sistem bunyi, struktur dan perbendaharaan kata bahasa ibunda. Seseorang itu memperolehi kebiasaan-kebiasaan bahasa yang sudah sehati dengan dirinya. Pembelajaran bahasa kedua bukan sekadar mengetahui aspek tatabahasa dan leksikal, malahan ia meliputi pemahaman tentang cara sebenar menggunakan bahasa tersebut dalam situasi komunikasi harian mereka.

Maklumat yang ingin dicapai dalam pembelajaran semua bahasa termasuklah kebolehan menghasilkan ayat-ayat asli dan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan untuk menyatakan makna yang terkandung dalam ayat-ayat yang dibina seterusnya memahami percakapan orang lain dalam bahasa yang berkenaan. Peraturan ini dinamakan oleh Chomsky (1965) sebagai kecekapan linguistik.

Dalam pembelajaran bahasa kedua Gardner dan Lambert (1972), telah mengemukakan teori sosiopsikologi pembelajaran bahasa. Mengikut teori ini, kecenderungan ethnocentric seseorang pelajar terhadap bahasa kedua dan sikapnya terhadap kumpulan sosial bahasa itu dipercayai menentukan kejayaannya mempelajari bahasa kedua. Manakala di dalam orientasi pelajar mungkin berbentuk instrumental contohnya, mempelajari nilai utilitarian itu seperti bertujuan untuk mendapatkan pekerjaan dan sebagainya. Pelajar juga mungkin mempunyai orientasi integratif terhadap

pembelajaran bahasa dijangka lebih berjaya mempelajari bahasa tersebut daripada mereka yang mempunyai orientasi instrumental (Kuldip Kaur, 1994).

Masyarakat Bumiputera di Sabah mula mempelajari dan menggunakan Bahasa Melayu pada abad ke -17 lagi, iaitu ketika Sabah berada di bawah pemerintahan Sultan Brunei. Kerajaan yang memerintah ketika itu menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa perhubungan. Keadaan ini telah memberi asas bagi perkembangan awal Bahasa Melayu di Sabah (Matlin, 1990). Namun demikian, pertumbuhan dan perkembangan Bahasa Melayu menjadi terbatas sesudah negeri Sabah menjadi negeri jajahan British. Pada masa pemerintahan British, sekolah-sekolah berpengantar Bahasa Inggeris diberi keutamaan dan didirikan di kawasan-kawasan bandar sahaja.

Jika diperhatikan pertumbuhan sekolah-sekolah di Sabah, maka didapati secara langsung pertumbuhannya membantu untuk mengembangkan dan memelihara kelangsungan Bahasa Melayu. Bermula pada tahun 1907, bilangan sekolah kerajaan yang berpengantarkan Bahasa Melayu meningkat dari semasa ke semasa untuk memberi peluang kepada golongan pribumi mendapat pelajaran Bahasa Melayu, tulisan dan juga pelajaran jawi. Walau bagaimanapun, pendidikan yang diberi adalah sekadar untuk memberi pengetahuan kepada golongan pribumi dan bukan satu usaha kerajaan Inggeris untuk mengembangkan Bahasa Melayu. Namun begitu, Bahasa Melayu dapat bertahan dalam keadaan saingan daripada Bahasa Inggeris kerana mula digunakan secara luas di sekolah-sekolah Inggeris yang banyak didirikan oleh pihak mubaligh dan swasta (Nathesan, 1992).

Tahun 1969 merupakan tahun yang amat penting bagi perkembangan Bahasa Melayu. Perkara ini berlaku disebabkan Lembaga Pelajaran Sabah membuat keputusan untuk menerima Dasar Pelajaran Kebangsaan dan menerima Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar menggantikan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah yang berpengantarkan Bahasa Inggeris. Maka mulai Januari 1970, Bahasa Melayu dengan rasminya menjadi bahasa pengantar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan di Sabah (Mohd Nor, 1982). Kini, Bahasa Melayu sudah hampir 34 tahun berperanan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Ini bermakna Bahasa Melayu sudah lama bertapak di negeri Sabah dan menjadi bahasa kedua terpenting selepas bahasa ibunda mereka. Mereka mempelajari Bahasa Melayu untuk pelbagai tujuan selaras dengan peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

### **2.11 Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Kedua**

Menurut Schuman (1978), kesediaan sesebuah masyarakat menerima bahasa asing sebagai bahasa kedua daripada perspektif budaya dapat diperhatikan dari segi persamaan, amalan serta nilai-nilai budaya yang lazimnya lebih bersedia menerima antara satu sama lain termasuklah penerimaan terhadap bahasa tersebut. Sebaliknya pertembungan dua budaya daripada masyarakat yang berbeza sehingga mencetuskan pertentangan amalan dan nilai-nilai akan menyukarkan bahasa. Oleh itu, sikap individu terhadap bahasa asing mencerminkan budaya yang diamalkan dalam masyarakatnya. Semakin banyak persamaan antara dua budaya maka akan turut memainkan peranan penting dalam pembentukan sikap dan minat terhadap bahasa asing yang diterima.



Sekolah merupakan satu agen pembentuk sikap yang penting khususnya di kalangan pelajar. Bahkan menurut Blair, Jones dan Simpson (1991) sekolah merupakan sebahagian daripada budaya. Sekiranya budaya sekolah disemai dengan mencintai dan menghargai bahasa asing, sikap positif lebih mudah dilentur di kalangan pelajar. Elemen-elemen yang memainkan peranan penting dalam menyuburkan budaya cintakan bahasa asing dapat diserapkan melalui pengajaran guru serta aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di sekolah.

Gambaran sikap masyarakat terhadap Bahasa Inggeris di negara ini akan lebih difahami dengan melihat daripada perspektif sejarah khususnya pada zaman penjajahan British di Tanah Melayu serta dasar pendidikan sebelum dan selepas merdeka. Di mana penguasaan British di Tanah Melayu dilihat telah mengeneipkan peranan dan tugas Bahasa Melayu yang sebelumnya menjadi lingua-franca dalam urusan pentadbiran dan perniagaan di kalangan penduduk Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Nusantara (Haris, 1990).

Seterusnya Bahasa Inggeris telah digunakan secara meluas bagi menggantikan peranan Bahasa Melayu, khususnya dalam pentadbiran dan perdagangan sama ada di dalam atau luar negara. Langkah tersebut diperkukuhkan dengan alasan bahawa suasana masyarakat majmuk yang memerlukan satu bahasa utama sebagai alat perhubungan bagi memudahkan komunikasi antara kaum Melayu, Cina dan India. Keadaan ini menyebabkan pihak British melaksanakan dasar pendidikan yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah.

## 2.12 Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Kedua

Konsep awal motivasi dikaitkan dengan konsep desakan atau keinginan yang lahir dari dalam diri sendiri. Desakan ini merupakan tenaga yang ditunjukkan ke arah satu matlamat yang lazimnya untuk memperolehi kejayaan atau kepuasan. Selanjutnya, konsep ini dikembangkan lagi pada tahun 1930-an dan 1940-an dengan mengaitkan motivasi sebagai tahap aspirasi (Dornyei, 1990). Tahap aspirasi bergantung kepada dua faktor, iaitu matlamat dan kepentingan matlamat tersebut. Motivasi ini sesuai dalam konteks pembelajaran serta kepentingannya pada masa hadapan, pelajar akan menunjukkan usaha dan kesungguhan yang semakin tinggi. Walau bagaimanapun, tahap ini turut dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti jantina, umur, galakan daripada ibu bapa, bilangan pelajar dan sikap guru.

Motivasi merupakan keinginan untuk mencapai matlamat dan individu yang mempunyai keinginan itu akan berusaha dengan penuh bertenaga untuk mencapai matlamatnya. Menurut mereka lagi, dalam pembelajaran bahasa kedua, motivasi berperanan sebagai satu elemen yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang. Maka pelajar yang bermotivasi tinggi akan berasa seronok mempelajari bahasa kedua, ingin belajar dan seterusnya berusaha mempelajari bahasa berkenaan sehingga dapat menguasainya (Oxford dan Sheari, 1994).

Pendekatan motivasi daripada perspektif sosiopsikologi menjelaskan motif atau matlamat sebagai asas kepada pencapaian mempelajari bahasa kedua. Pembelajaran bahasa kedua merupakan proses yang berlanjutan melangkaui bilik darjah dan

dipengaruhi oleh dua motif yang dikenali sebagai motivasi integratif dan motivasi instrumental. Motivasi integratif memperlihatkan ciri-ciri tingkah laku positif terhadap pembelajaran bahasa asing dengan tujuan mengekalkan hubungan psikologi dengan ibu bapa, komuniti dan rakan-rakan dan memperbaiki pencapaian di sekolah (Nurhayati, 2002).

Sementara motivasi instrumental memperlihatkan ciri-ciri tingkah laku positif terhadap pembelajaran bahasa asing dengan tujuan lebih praktikal. Misalnya berkomunikasi dengan bangsa-bangsa lain yang menuturkan bahasa asing untuk mendapatkan pekerjaan yang baik dan lulus dalam peperiksaan. Motivasi integratif dilihat memberi sokongan yang lebih kuat terhadap pembelajaran bahasa. Sikap yang terbentuk sejak peringkat kanak-kanak melalui pengaruh keluarga dan masyarakat sekitar dilihat lebih kekal dan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap sesuatu bahasa (Kamsiah, 2000).

Dornyei (1990) mendapati bahawa motivasi instrumental signifikan sebagai faktor penting dalam meningkatkan motivasi pembelajaran bahasa asing. Salah satu dimensi motivasi ini berasaskan motif ekstrinsik, iaitu keinginan berintegrasi dengan komuniti baru yang juga dilihat sebagai sebahagian daripada integratif. Menurut beliau, motif ini berkaitan dengan matlamat jangka panjang individu.

### **2.13 Hubungan Sikap dan Motivasi Dalam Pembelajaran Bahasa Kedua**

Sikap dan motivasi merupakan dua mekanisme psikologi yang saling berkaitan. Sikap yang mempunyai unsur-unsur perasaan positif atau negatif akan mempengaruhi tindak balas yang serupa terhadap sesuatu perkara. Tindak balas ini dapat dikesan dengan melihat tindakan individu terhadap sesuatu situasi. Jakobovits (1965) dan Spolsky (1969) dipetik daripada Kamsiah (2000), bersetuju bahawa sikap pelajar amat berpengaruh terhadap motivasi pembelajaran bahasa kedua selain faktor guru, ibu bapa, rakan sebaya dan penutur jati bahasa tersebut.

Gardner dan Lambert (1972), tidak menolak bahawa sikap mempunyai perkaitan yang erat dengan motivasi selain bakat bahasa yang sedia ada di kalangan pelajar. Malah, sikap dan motivasi turut didapati mempengaruhi pencapaian gred pelajar. Dapatan kajian juga menunjukkan dengan jelas pertalian antara sikap integratif dan motivasi integratif dengan beberapa aspek pencapaian dalam bahasa asing. Misalnya, sikap yang positif terhadap penutur jati bahasa asing akan mengakibatkan motivasi yang semakin tinggi dan pembelajaran bahasa akan lebih mudah. Sebaliknya, sikap negatif seperti membenci atau menghina penutur jati bahasa asing akan merendahkan motivasi dan menyukarkan pembelajaran bahasa tersebut.

## 2.14 Faktor-faktor Membantu Pembelajaran Bahasa Kedua

Abdullah (1986), telah menggariskan lima unsur yang perlu wujud bagi menghasilkan pembelajaran bahasa kedua iaitu motif, keupayaan, sikap, peluang dan lingkungan dengan anggapan bahawa segala pelajaran yang dipakai untuk mengajar itu cukup baik dan gurunya terlatih. Berkaitan dengan motif itu timbul daripada tujuan kenapa seseorang itu ingin mempelajari bahasa kedua? Andai ada tujuannya, maka lahirlah motif tinggi untuk belajar Bahasa Melayu kerana ia bahasa nasional dan juga menjadi keperluan untuk memegang jawatan dalam sektor kerajaan atau mana-mana jabatan berkanun. Bahasa Melayu penting untuk pelajaran tinggi serta pelbagai keperluan sosial. Demikian juga para pelajar dan orang-orang tertentu mempunyai motif untuk belajar Bahasa Inggeris, iaitu untuk mendapat peluang pekerjaan dan melanjutkan pelajaran ke universiti di luar negara sebagai syarat dan keperluan akademik atau peluang pekerjaan.

Sementara keupayaan pula berhubung rapat dengan kecerdasan otak seseorang. Kenyataannya ada orang yang telah dengan sendirinya mempunyai kecerdasan otak dan berkeupayaan mempelajari bahasa apa pun juga. Namun begitu, peringkat kejayaannya pula berbeza-beza di antara satu dengan yang lain. Sikap pula dilihat daripada aspek psikologi sama ada seseorang itu merasa bahawa pembelajaran bahasa itu akan mendatangkan faedah kepadanya atau sebaliknya, serta tidak mengancam kedudukan atau identitinya. Seandainya mereka yang merasa bahawa sesuatu bahasa lain itu penting dan mereka mesti mempelajarinya akan mempunyai sikap yang positif untuk mempelajari atau menguasai bahasa tersebut dengan baik. Larson dan Smalley (1972) dalam Abdullah (1986), menyatakan tujuh perkara yang dapat memberi kemungkinan

berhasilnya pembelajaran bahasa kedua itu ialah kepada pelajar yang mempunyai keupayaan yang tinggi, diberi peluang yang baik, mempunyai motif yang kukuh dan sikap yang sihat serta belajar dalam lingkungan masyarakat yang mendorong, maka usahanya dalam pembelajaran bahasa itu tentu sekali akan membawa kepada kejayaan dan kesan yang baik.

Manakala seseorang yang mempunyai motif yang tinggi dan diberi peluang baik, tetapi tidak mempunyai keupayaan yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa akan mencapai kejayaan yang baik juga, lebih-lebih lagi kalau masyarakat sekelilingnya itu mendorong ke arah penggunaan berbahasa dengan baik.

Seterusnya seseorang yang mempunyai motif serta ada sikap dan keupayaan yang baik, tetapi kurang berpeluang, harus juga mencapai kejayaan yang agak baik kalau ada individu di sekelilingnya yang memberi sokongan dan dorongan kepada pembelajaran bahasa tersebut. Jika seseorang pelajar itu berpeluang baik untuk belajar bahasa dan mempunyai keupayaan yang tinggi, maka kejayaannya bergantung kepada tujuannya yang asal. Motifnya itu akan bergantung kepada lingkungan kebudayaan di sekelilingnya atau persekitarannya dan hanya mereka yang akan memperolehi kejayaan ini sahaja yang akan menguasai bahasa tersebut dengan jayanya.

Demikian pula andainya seseorang pelajar itu bermotif tetapi tidak mempunyai keupayaan, sikap dan peluang untuk belajar maka pelajar itu harus gagal untuk mencapai sesuatu penguasaan berbeza sekiranya kebudayaan dan masyarakat sekelilingnya membantu maka ada juga sedikit harapan untuk mendapat sedikit kejayaan. Sekiranya

seseorang pelajar itu mendapat peluang yang baik untuk belajar bahasa tetapi tidak mempunyai keupayaan dan motif, maka pelajar itu juga akan gagal menguasai bahasa tersebut. Ini bererti peluang yang diberi kepadanya akan sia-sia begitu sahaja. Kebudayaan yang menyokong pembelajaran itu juga akan membosankannya dan pelajar ini tidak menunjukkan komitmen yang penuh terhadap kejayaan yang akan diperolehinya.

Pelajar yang mempunyai keupayaan yang tinggi tetapi tidak mempunyai motif dan juga tidak diberi peluang akan gagal mencapai kejayaan. Walau bagaimanapun, lingkungan yang menyokong mungkin membantunya mencari motif, kalau tidak pelajar akan gagal untuk mencapai sesuatu kejayaan. Justeru dengan demikian faktor-faktor tersebut perlunya wujud sebelum kejayaan sepenuhnya dicapai oleh individu tertentu. Apabila faktor-faktor ini tidak menyokong, maka pelajar itu tentu akan gagal. Faktor-faktor yang wujud dengan tidak sepenuhnya harus menyebabkan pencapaian yang berbeza-beza di antara individu dengan individu yang lain.

## **2.15 Kajian-Kajian Berkaitan**

### **2.15.1 Kajian Luar Negara**

Kamsiah (2000), dalam kajiannya berkaitan dengan sikap pelajar Melayu terhadap Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di Singapura mendapati sikap positif pelajar terhadap Bahasa Inggeris menunjukkan ciri-ciri integratif. Para pelajar menunjukkan sikap positif terhadap Bahasa Inggeris atas tujuan untuk bercampur gaul dengan rakan-rakan daripada kaum lain yang majoritinya menggunakan Bahasa Inggeris sebagai

komunikasi utama mereka. Selain itu, status Bahasa Inggeris di Singapura sebagai bahasa pertama dan diwajibkan di sekolah serta dituturkan oleh golongan majoriti dipercayai mendorong tahap penguasaan yang lebih baik di kalangan pelajar. Kajian ini menyokong andaian Model Socioeducational yang menekankan sikap integratif terhadap Bahasa Inggeris adalah lebih penting dalam merangsang motivasi pembelajaran Bahasa Inggeris dan penguasaan bahasa tersebut.

Berdasarkan kajian Lanara (1999), terhadap sikap dan motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Inggeris mendapati responden yang terdiri daripada mahasiswa Asia dari Universiti Tokyo mempunyai sikap yang positif terhadap Bahasa Inggeris disebabkan minat yang tinggi terhadap budaya, muzik dan filem dari barat. Malah dalam kajian Lanara, beliau mendapati majoriti responden telah menyatakan keinginan untuk melawat negara-negara tersebut. Sungguhpun demikian, responden turut mempertahankan bahawa budaya tempatan perlu dikekalkan dan dipelihara tanpa pengaruh budaya luar. Oleh itu, mereka berpendapat bahawa walaupun mereka perlu mempelajari bahasa asing, namun tidak penting bagi semua masyarakat Jepun mempelajarinya. Dapatan ini memperlihatkan responden mempunyai motivasi instrumental yang lebih ketara kerana penguasaan Bahasa Inggeris dipercayai akan membuka peluang pekerjaan yang lebih luas kepada mereka dan kepentingan masa depan.

Melalui satu kajian di salah sebuah sekolah menengah dan mahasiswa Tahun Pertama di University of Papua New Guinea memperlihatkan sikap positif terhadap Bahasa Inggeris. Di mana sikap positif terhadap Bahasa Inggeris mempunyai ciri-ciri



instrumental. Situasi tersebut memperlihatkan bahawa responden sedar tentang kepentingan Bahasa Inggeris terhadap pembangunan negara mereka dalam soal-soal pencapaian akademik, peluang kerjaya atau pekerjaan Buschenhofen (1998).

Keadaan tersebut juga menceritakan bahawa latar belakang bahasa di Papua New Guinea menunjukkan bahawa bahasa Tok Pisin dan Hiri Motu merupakan bahasa kebangsaan kerana kedua-duanya menjadi bahasa pertuturan utama penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, disebabkan dasar bahasa yang tidak begitu jelas dan sering mencetuskan perdebatan di kalangan ahli akademik, politik dan masyarakat tempatan maka bahasa Tok Pisin dikekalkan untuk diajar sebagai mata pelajaran bahasa di peringkat sekolah rendah dan menengah. Sementara itu, wujud desakan kuat menuntut agar Bahasa Inggeris diberi keutamaan sehingga hari ini dinaikkan statusnya sebagai bahasa asing yang menjadi bahasa rasmi dan digunakan dalam urusan rasmi pentadbiran, ekonomi dan pendidikan peringkat universiti.

Manakala pemerolehan bahasa asing sebagai bahasa kedua berasaskan Model Socioeducational turut diuji melalui kajian Kreamer (1993). Kajian yang dijalankan di Israel ini melibatkan 484 pelajar Gred 10 di sembilan buah sekolah tinggi. Dapatan Kreamer menunjukkan bahawa pelajar mempunyai sikap positif terhadap Bahasa Arab dan bercirikan integratif kerana beranggapan bahawa Bahasa Arab merupakan mata pelajaran yang sukar di kuasai oleh pelajar.

Hasil kajian itu juga menunjukkan bahawa faktor persekitaran sosial yang berbeza mempengaruhi sikap dan motivasi terhadap bahasa asing yang merupakan salah satu asas

model yang digunakan. Di mana Bahasa Arab merupakan bahasa rasmi di Israel, tetapi dituturkan oleh golongan minoriti penduduknya untuk berkomunikasi. Bahasa Arab merupakan bahasa dominan di Timur Tengah dalam urusan pendidikan, pentadbiran dan komunikasi harian. Akan tetapi pelajar kurang terdedah kepada bahasa Arab di luar bilik darjah atau persekitaran mereka. Ini disebabkan, bahasa Hebrew ialah bahasa komunikasi yang luas penggunaannya dan diajar sejak peringkat sekolah rendah berbanding Bahasa Arab yang hanya diperkenalkan di peringkat sekolah menengah. Maka dengan itu, mempelajari Bahasa Arab di kalangan pelajar lebih kepada tujuan integratif sahaja.

Kajian Pascasio (1980), tentang sikap dan motivasi pelajar di universiti terhadap Bahasa Tagalog dan Bahasa Inggeris menunjukkan bahawa sikap dan motivasi yang positif bagi kedua-dua bahasa tersebut jelas diperlihatkan. Situasi ini dipengaruhi oleh faktor bangsa, bahasa, tempat lahir, sikap, pendidikan ibu bapa serta status bahasa tersebut dalam dunia pekerjaan dan pendidikan tinggi di universiti-universiti. Kebanyakan responden mempunyai motivasi instrumental terhadap pembelajaran kedua-dua bahasa kerana Bahasa Inggeris di Filipina merupakan bahasa yang menjadi fungsional, sementara Bahasa Tagalog merupakan bahasa kebangsaan, dimajukan dan digalakkan pembelajarannya dalam pendidikan. Keadaan ini dilihat memberi pengaruh kepada pelajar bukan yang bermotivasi tinggi dalam mempelajari kedua-dua bahasa tersebut. Manakala di kalangan pelajar Tagalog pula didapati bermotivasi tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Tagalog sahaja tetapi tidak bersedia meningkatkan usaha mempelajari Bahasa Inggeris kerana merupakan bahasa natif mereka dan telah menjadi komunikasi harian sama ada di sekolah atau di luar sekolah.

### 2.15.2 Kajian Dalam Negara

Kajian demi kajian telah dilakukan oleh para pengkaji berkaitan dengan sikap pelajar. Kajian tentang sikap memperlihatkan hubungan dengan beberapa pemboleh ubah seperti minat, pencapaian, motivasi dan mata pelajaran atau kursus yang dipelajari oleh pelajar. Sorotan daripada beberapa kajian tersebut mendapati bahawa sikap pelajar terhadap mata pelajaran bahasa mempunyai hubungan korelasi yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Implikasi daripada kajian itu mendapati bahawa sikap pelajar terhadap Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu mempunyai hubungan korelasi yang signifikan dengan pencapaian pelajar dalam kedua-dua mata pelajaran yang dipelajari oleh pelajar. Mengikut kajian Mohd Yusoff (2000), mendapati secara keseluruhannya pelajar mempunyai sikap positif terhadap Bahasa Melayu dan penutur jati Bahasa Melayu.

Berdasarkan kajian Jamali (1992), menyatakan bahawa pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dalam pembelajaran mereka. Implikasi daripada hasil dapatan tersebut mendapati bahawa sikap pelajar terhadap Bahasa Inggeris pada keseluruhannya adalah baik dan positif. Akan tetapi sikap pelajar terhadap penutur Bahasa Inggeris walaupun positif tidaklah sebaik sikap pelajar terhadap Bahasa Melayu yang dipelajari oleh pelajar.

Melalui kajian Sa'adiah (1988), berkaitan dengan sikap bahasa pelajar-pelajar Malaysia di Britain, mendapati bahawa sikap pelajar terhadap Bahasa Inggeris lebih positif berbanding sikap mereka terhadap Bahasa Melayu. Ini bermakna, dapatan kajian

menunjukkan bahawa pelajar berpendapat Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang dapat menyalurkan ilmu pengetahuan dan teknologi yang tinggi dan canggih. Pada mereka, penguasaan Bahasa Melayu tidak menguntungkan dan lebih jauh ketinggalan untuk melayari ilmu pengetahuan berbanding penggunaan Bahasa Inggeris.

Bertentangan dengan satu kajian yang telah dilakukan ke atas sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran Bahasa Melayu di sebuah sekolah menengah di Negeri Sembilan Darul Khusus. Melalui dapatan kajian tersebut, menunjukkan bahawa pelajar Cina mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dalam pembelajaran mereka. Berdasarkan jantina, pelajar lelaki dan perempuan mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka khususnya sebagai bahasa komunikasi dan pembelajaran di sekolah. Tidak dinafikan bahawa terdapat sebilangan kecil menunjukkan sikap negatif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu kerana beranggapan Bahasa Inggeris lebih canggih berbanding penggunaan Bahasa Melayu (Zamri & Zarina, 2001).

Seterusnya, satu kajian telah dijalankan di daerah Port Dickson di lima buah sekolah menengah terhadap sikap dan motivasi pelajar India berfokuskan kepada Bahasa Melayu. Berdasarkan kajian tersebut didapati sikap pelajar India terhadap penutur Bahasa Melayu berada pada tahap yang positif. Pelajar tersebut mempelajari Bahasa Melayu untuk berintegrasi dengan masyarakat Melayu atau penutur jati Melayu. Begitu juga dengan minat pelajar India terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu juga berada pada tahap yang tinggi dan positif. Manakala dari aspek motivasi, didapati sikap terhadap

pembelajaran Bahasa Melayu adalah positif. Manakala motivasi instrumental serta keinginan untuk belajar Bahasa Melayu berada pada tahap yang positif (Chithra, 2003).

## **2.16 Rumusan**

Sikap dan motivasi memainkan peranan penting di dalam pembelajaran sesuatu bahasa, khususnya dalam menguasai pembelajaran bahasa kedua. Kedua-dua faktor tersebut dipercayai mempunyai hubungan yang rapat dan saling berkaitan antara satu dengan yang lain. Seterusnya sikap dan pembentukan sesuatu tindakan, motivasi bersifat integratif jika tujuan akhir pembelajaran bahasa itu untuk meresapi kebudayaan penutur bahasa natif yang dipelajari oleh pelajar. Akan tetapi elemen tersebut boleh bersifat instrumental jika tujuan pembelajaran itu berupa perkara-perkara praktikal di mana pembelajaran bahasa itu hanya sebagai alat untuk mencapai tujuan-tujuan lain. (Kamsiah, 1987). Huraian seperti komunikasi, interaksi dan sebagainya dalam bab ini telah merungkai dapatan-dapatan kajian yang menjelaskan hubungan faktor sikap dan motivasi dalam konteks yang pelbagai dalam pembelajaran bahasa kedua seterusnya untuk mencapai sesuatu tujuan seperti peningkatan pencapaian markah dalam peperiksaan akademik, pekerjaan, komunikasi dan seumpamanya.

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Bab ini akan menjelaskan bagaimana kajian dijalankan. Di antara kategori yang disentuh dalam bab ini ialah reka bentuk kajian, responden kajian, alat kajian, kajian rintis, prosedur kajian, tatacara penganalisan data dan penutup atau rumusan.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Mohd Majid (1998), kajian tinjauan sering dijalankan dalam penyelidikan pendidikan. Dua jenis tinjauan yang penting dan sering dilakukan dalam bidang pendidikan ialah pembolehubah-pembolehubah yang dikesan. Data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik bagi mengenal pasti sikap dan motivasi pelajar Suku kaum Suluk dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di tiga buah sekolah rendah, dua daripadanya sekolah kawasan bandar sekolah gred A dan gred B dan satu lagi di sekolah kawasan luar bandar gred B.

### 3.3 Responden Kajian

Responden kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah rendah tahun 4 di tiga buah sekolah rendah di daerah Sandakan Sabah iaitu sekolah rendah gred A, dan sekolah rendah gred B dan sekolah rendah luar Bandar gred B Sandakan Sabah. Jumlah pelajar yang dijadikan responden dalam kajian ini ialah seramai 130 orang. Bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini seperti dalam jadual 3.1.

Jadual 3.1

*Taburan Responden Kajian*

Nama Sekolah		Lelaki	Perempuan	Bil.Pelajar
Sekolah Bandar Gred	A	48	34	82
Sekolah Bandar Gred	B	20	10	30
Sekolah Luar Bandar Gred	B	09	09	18
Jumlah		57	43	130

Berdasarkan jadual 3.1, seramai 30 orang telah dipilih secara rawak untuk kajian Rintis. Mengikut Arsaythamby, Arumugam ( 2009), sekiranya bilangan dalam populasi ialah 130 orang, bilangan minimum yang seharusnya diambil sebagai responden kajian ialah seramai 97 orang sahaja. Maka bagi kajian ini, seramai 100 orang telah dipilih untuk menjawab soal selidik dalam kajian sebenarnya.

Rasional pemilihan responden di kalangan pelajar Tahun empat dalam kajian ini adalah berdasarkan faktor-faktor berikut:

- i. Tahap kematangan yang akan mempengaruhi jawapan secara rasional.
- ii. Responden telah mengalami proses pembelajaran Bahasa Melayu secara formal selama 3 tahun yang mampu menilai item-item soal selidik berdasarkan kesesuaian pengalaman mereka.
- iii. Responden telah melalui peperiksaan ujian bulanan, peperiksaan semester I dan II ( Sumatif dan formatif) di tahun 1,2 dan 3 sekolah rendah (KBSR).
- iv. Memudahkan pengurusan dan pengendalian soal selidik, misalnya responden tidak melibatkan dalam peperiksaan utama seperti UPSR, ujian Excel dan Protim di tahun 6.

### **3.4 Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat dan data ialah menggunakan instrumen soal selidik yang telah diambil dan diubah suai daripada instrumen kajian yang telah dilakukan oleh Abdullah Musa (2004). Instrumen soal selidik di gunakan dalam kajian yang berkaitan dengan aspek psikologi seperti sikap dan motivasi kerana maklumat yang dikutip adalah berbentuk fakta seperti tingkah laku manusia, pengetahuan dan pengalaman. Pelaksanaan soal selidik sebagai instrumen disesuaikan dengan saiz sampel yang besar dalam kajian ini. Di samping faktor penggunaan soal selidik didapati memudahkan data-data dikutip dengan cara paling singkat, menjimatkan kos dan tenaga, responden mudah memahami perkara-perkara yang dinilai berdasarkan persepsi, pendapat dan pengalaman sama ada di rumah, di luar rumah atau di sekolah dan persekitaran sekolah yang berhampiran dengan pelajar.



### 3.4.1 Soal Selidik

Instrumen di dalam item-item soal selidik ini telah diubah suai daripada kajian Chithra (2003) yang diadaptasikan daripada kajian Setsuko Mori dalam ([www.tuj.ac.jp/tesol/press/paper0014/mori.htm](http://www.tuj.ac.jp/tesol/press/paper0014/mori.htm)) yang mengkaji peranan sikap dan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua pelajar. Soal selidik yang digunakan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu, Bahagian A (Latar Belakang Responden) dan Bahagian B (Sikap dan Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu):

**Bahagian A :** Bahagian ini mengandungi butiran jantina, taraf pendidikan ibu bapa, jenis pekerjaan ibu bapa dan pencapaian Bahasa Melayu.

**Bahagian B :** Bahagian ini dibahagikan kepada dua, iaitu (BM) Sikap terhadap terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dan motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Soal selidik yang akan dilaksanakan mengandungi 36 item yang dibahagikan kepada konstruk sikap dan motivasi. Konstruk sikap pula dipecahkan kepada tiga subsikap, iaitu sikap terhadap penutur Bahasa Melayu, sikap terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dan sikap integratif. Manakala motivasi pula dibahagikan kepada dua submotivasi iaitu keinginan untuk mempelajari Bahasa Melayu dan motivasi instrumental terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

### **3.4.1.1 Bahagian A : Butiran Umum**

Di dalam kajian ini, butiran umum responden dikutip dalam bentuk data nominal yang mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- i. Jantina.
- ii. Taraf pendidikan ibu bapa.
- iii. Jenis pekerjaan ibu bapa.
- iv. Pencapaian Bahasa Melayu Dalam Peperiksaan Semester I.
- v. Pencapaian Bahasa Melayu Dalam Peperiksaan Semester II.

Di dalam arahan soal selidik, responden akan membuat satu pilihan sahaja berdasarkan pilihan pernyataan yang telah disediakan dan dikehendaki. Di mana data digunakan sebagai asas kepada pengenalan ciri-ciri responden kajian. Di samping itu, maklumat yang dilaksanakan diharap dapat digunakan sebagai sumber rujukan dalam membincangkan hasil dan rumusan kajian yang seterusnya di dalam bab IV dan V.

### **3.4.1.2 Bahagian B: Sikap dan Motivasi Bahasa Melayu**

Bahagian ini mengandungi item-item yang mengukur sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Responden akan membuat pilihan pernyataan berdasarkan petunjuk yang disediakan. Data yang dikutip adalah dalam ukuran sela. Konstruk sikap pelajar terhadap Bahasa Melayu terkandung dalam item 1 hingga 14 dan konstruk motivasi daripada item 15 hingga 36. Terdapat tiga sub sikap yang akan mewakili tiga jenis sikap iaitu sikap terhadap penutur Bahasa Melayu, sikap terhadap Pembelajaran

Bahasa Melayu dan sikap integratif. Perincian item mengikut jenis Sikap adalah seperti dalam Jadual 3. 2 (Abdullah, 2008).

Jadual 3.2

*Bilangan Item Berdasarkan Konstruk*

<b>Konstruk Sikap</b>	<b>No .Item</b>
A. Sikap terhadap penutur bahasa	1 hingga 5
B. Minat dalam Bahasa Melayu	6 hingga 11
C. Sikap Integratif	12 hingga 14
D. Sikap terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu	15 hingga 21
<b>Konstruk Motivasi</b>	<b>No. Item</b>
E. Keinginan untuk mempelajari BM.	22 hingga 25
F. Motivasi Instrumental	26 hingga 36

### 3.4.2 Bentuk Soal Selidik

Mohd Majid (1998), soal selidik dalam kajian ini menghendaki responden memilih Salah satu daripada skor berdasarkan petunjuk kadar persetujuan mereka terhadap pernyataan-pernyataan dalam soal selidik adalah sama ada mereka *sangat setuju*, *setuju*, *agak setuju*, *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju*. Bagi pernyataan item positif, pilihan skala *sangat setuju* diberi skor 5, skala *setuju* diberi skor 4, skala *agak setuju* diberi skor 3, skala *tidak setuju* diberi skor 2 dan skala *sangat tidak setuju* diberi skor 1. Sementara dan itu, pernyataan negatif, skor yang diberikan adalah sebaliknya, iaitu respon *sangat tidak setuju* diberi skor 5, respon *tidak setuju* diberi skor 4, respon *agak setuju* diberi skor 3,

respons *setuju* diberi skor 2 dan respon *sangat setuju* akan diberi skor 1. Skala Likert lima mata ini dipilih kerana nilai kebolehpercayaannya yang tinggi dan memberi ruang pilihan yang banyak kepada responden untuk membuat pilihan yang tepat atau sah.

### 3.5 Kajian Rintis

Perlaksanaan kajian rintis yang telah dijalankan salah satu peringkat yang melibatkan aktiviti penting dalam kajian tinjauan. Kajian rintis dianggap kajian kecil yang dijalankan dengan tujuan memperbaiki dan meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Oleh itu, kajian rintis yang telah dijalankan adalah bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan item-item yang dibina. Keduanya untuk mengetahui kesesuaian kesemua item dalam soal selidik. Responden diminta menandakan istilah-istilah dan struktur ayat yang mengelirukan dan yang ketiga untuk mengetahui pemahaman responden terhadap setiap soalan yang dikemukakan kepada responden.

Sebelum kajian sebenar dibuat, pengkaji akan menjalankan kajian rintis yang melibatkan 30 orang pelajar di sekolah rendah gred B daerah Sandakan yang berbangsa Suluk dan pelajar ini mempunyai persamaan dari segi latar belakang dengan responden kajian sebenar. Pelajar-pelajar ini tidak termasuk dalam senarai kajian sebenar. Pelajar-pelajar telah diberi peruntukan masa selama 30 minit untuk menjawab dan memberi maklum balas terhadap soalan-soalan dalam soal selidik tersebut.

Bagi mendapatkan kesahan item dan kebolehpercayaan instrumen kajian, data soal selidik dalam kajian rintis ini dianalisis menggunakan formula *Crombach Alpha* untuk

mendapat nilai pekali kebolehpercayaan  $r$  dalam pakej *SPSS For Windows 12.0*. Hasil analisis didapati bahawa nilai kebolehpercayaan item-item bagi kedua-dua bahagian soal selidik terhadap sikap ialah  $r = 0.603$  dan motivasi  $r = -0.495$ . Nilai Alpha keseluruhan item ialah  $r = 0.848$  dianggap tinggi kerana menghampiri  $r = 1.0$ . Best dan Kahn (1986), menyatakan bahawa indeks kebolehpercayaan yang melebihi 0.60 boleh dianggap mempunyai nilai yang mencukupi. Jadual 3.3 menunjukkan indeks kebolehpercayaan soal selidik bagi item-item sikap dan motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Jadual 3.3

*Indeks Kebolehpercayaan Soal Selidik*

<b>Dimensi</b>	<b>Bil. Item</b>	<b>Nilai Alpha</b>
A. Sikap terhadap pembelajaran Bahasa Melayu	18	0.603
B. Motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu	18	-0.495
Jumlah	36	0.848

Prosedur bagi mendapatkan maklum balas tentang masalah berkaitan dengan kefahaman dan interpretasi istilah, konsep dan soalan yang digunakan dalam alat kajian ini satu ruangan maklum balas telah disediakan kepada responden. Ruangan maklum balas ini didapati beberapa istilah, konsep dan soalan akan dapat dikenal pasti sebagai

masalah kepada pelajar semasa menjawab soalan. Dalam masa yang sama, beberapa perubahan telah dibuat dan dipermudahkan dengan tahap kefahaman pelajar. Antara item-item yang akan terlibat dalam jangkauan dan akan dipindahkan ialah :

Bahagian B (I) Sikap terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu (BM) :

- i Saya belajar bersungguh dalam kelas BM *dipinda kepada* belajar bersungguh-sungguh dalam kelas BM.
- ii Saya berlengah-lengah membuat kerja rumah BM *dipinda kepada* saya sentiasa menyiapkan kerja rumah BM.
- iii Saya suka guru Bahasa Melayu saya *dipinda kepada* Saya suka kepada guru Bahasa Melayu.

Bahagian (II) Motivasi terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu (BM)

- i Saya bercita-cita belajar BM *dipinda kepada* belajar BM pada masa depan
- ii Belajar BM membantu saya mendapat keputusan yang baik *dipinda kepada* keputusan yang baik dalam peperiksaan.
- iii Belajar BM dapat memberikan keyakinan saya *dipinda kepada* memberi keyakinan saya lulus dalam peperiksaan.

### **3.5.1 Kebolehpercayaan dan Kesahan Soal Selidik**

Kesahan ujian menunjukkan ujian itu benar-benar mengukur apa yang sepatutnya diukur. Bagi memastikan tahap kesahan yang tinggi dari segi permukaan dan kandungan soal

selidik iaitu mengukur apa yang sepatutnya diukur draf soal selidik ini telah diserahkan kepada penyelia untuk disemak dan diperbaiki.

### **3.6 Prosedur Kajian**

Perlaksanaan kajian ini dimulakan dengan mengenal pasti masalah kajian, merangka jangka masa kajian dan membentuk instrumen kajian yang akan dikaji. Untuk menjayakan kajian ini, pengkaji telah mengikut prosedur-prosedur seperti yang berikut:

- i. Mendapatkan kebenaran menjalankan kajian dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD). Kementerian Pelajaran Malaysia.
- ii. Mendapatkan kebenaran menjalankan kajian di sekolah-sekolah rendah yang terlibat di Jabatan Pelajaran Daerah Sandakan.
- iii. Berjumpa sendiri dengan guru-guru besar sekolah yang terlibat untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian.
- iv. Memberi taklimat ringkas kepada pelajar yang terlibat sebagai responden supaya mereka jelas tentang tujuan kajian ini dijalankan dan cara bagaimana menjawab soal selidik tersebut.

### **3.7 Tatacara Penganalisan Data**

Untuk menyempurnakan kajian ini data diperoleh akan dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 12.0*. Kaedah statistik deskriptif, ujian -t sample bebas dan Korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis data. Statistik ini digunakan kerana ia dapat memudahkan penafsiran data. Data yang

diperolehi daripada soal selidik dimasukkan ke dalam perisian *SPSS version 12.0* mengikut kod-kod angka yang telah ditetapkan. Misalnya, jantina pelajar menggunakan kod 1 bagi lelaki dan kod 2 bagi perempuan. Penggunaan kod angka turut melibatkan pemboleh ubah yang melebihi dua kategori, misalnya taraf pendidikan ibu bapa dan keputusan peperiksaan semester I dan semester II.

Data daripada item pemboleh ubah sikap dan motivasi menggunakan skala Likert lima mata yang menunjukkan kadar persetujuan responden terhadap pernyataan-pernyataan item. Skala yang digunakan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4

*Skala Likert Lima Mata*

<b>Skala</b>	<b>Aras Persetujuan</b>
1	Sangat Tidak Setuju.
2	Tidak Bersetuju
3	Agak Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

### **3.7.1 Pengiraan Min, Peratus, Kekekapan dan Sisihan Piawai**

Nilai min digunakan bagi merumus persepsi responden terhadap kenyataan yang diberikan dalam soal selidik. Interpretasi skor min telah diubah suai daripada



Muhammad Salleh (1999) dalam Chithra (2003) dan dirumuskan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.5.

Jadual 3.5

*Interpretasi Skor Min*

Interpretasi		
Skor Min	Kekerapan	Persetujuan
1.00 – 1.80	Tidak Pernah	Sangat Tidak Setuju
1.81 – 2.60	Tidak Kerap	Tidak Setuju
2.61 – 3.40	Agak Kerap	Agak Setuju
3.41 – 4.20	Kerap	Setuju
4.21 – 5.00	Sangat Kerap	Sangat Setuju

Daripada Jadual 3.5, skor min 1.00 hingga 1.80 menunjukkan tahap kekerapan tidak pernah dan tahap persetujuan sangat tidak setuju. Skor min 1.81 hingga 2.60 menunjukkan tahap kekerapan tidak kerap dan tahap persetujuan tidak setuju. Skor min 2.61 hingga 3.40 pula menunjukkan tahap kekerapan agak kerap dan tahap persetujuan agak setuju. Sementara skor min 3.41 hingga 4.20 menunjukkan tahap kekerapan yang kerap dan tahap persetujuan yang setuju. Akhir sekali, skor min 4.21 hingga 5.00 menunjukkan tahap persetujuannya pula ialah sangat setuju.

Bagi mengukur tahap sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu skala sikap dan motivasi yang telah dibentuk oleh Kamsiah (2000) telah diubah suai dan digunakan sebagai ukuran interpretasi sikap dan motivasi pelajar suku kaum

Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Skala sikap telah dibentuk berdasarkan skor min dan ukuran interpretasi tahap sikap pelajar terhadap Bahasa Melayu dikelaskan sebagai sikap positif apabila skala skor min pelajar di antara 3.51 hingga 5.00, sikap sederhana apabila skor min berada di antara 2.51 hingga 3.50 dan sikap negatif apabila skor minnya di antara 1.00 hingga 2.50. Petunjuk tahap sikap terhadap pembelajaran Bahasa Melayu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.6.

Jadual 3.6

*Petunjuk Tahap Sikap Pelajar Berdasarkan Skor Min*

<b>Skor Min</b>	<b>Tahap Sikap</b>
3.51 hingga 5.00	Positif
2.51 hingga 3.50	Sederhana
1.00 hingga 2.50	Negatif

Begitu juga dengan skala tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu skala dibentuk berdasarkan skor min. Ukuran interpretasi tahap motivasi dikelaskan kepada tiga tahap iaitu motivasi positif apabila skor min pelajar di antara 3.51 hingga 5.00, motivasi sederhana apabila skor min di antara 2.51 hingga 3.50 dan motivasi rendah apabila skor minnya di antara 1.00 hingga 2.50. Petunjuk tahap motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.7.

### Jadual 3.7

#### *Petunjuk Tahap Motivasi Pelajar Berdasarkan Skor Min*

Skor Min	Tahap Motivasi
3.51 hingga 5.00	Tinggi
2.51 hingga 3.00	Sederhana
1.00 hingga 2.50	Rendah

### 3.7.2 Ujian-t

Dalam kajian ini, ujian-t digunakan bagi menguji perbezaan min sikap pelajar di dalam pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar lelaki dan perempuan di tiga buah sekolah rendah di daerah Sandakan Sabah. Aras Signifikan yang digunakan dalam kajian ini adalah pada aras  $*p < .05$ .

### 3.7.3 Ujian Korelasi Pearson

Statistik korelasi Pearson digunakan untuk melihat min skor perhubungan sikap dan motivasi pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua aras signifikan digunakan dalam kajian ini adalah pada aras  $*p < .01$  (2- ekor).

### **3.8 Rumusan**

Di dalam bab ini telah dibincangkan kaedah yang digunakan dalam melaksanakan kajian. Kajian tinjauan ini menggunakan instrumen soal selidik. Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah diubah suai daripada kajian-kajian berkaitan. Sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar tahun empat di tiga buah sekolah. Iaitu sekolah rendah gred A dan gred B di sekolah kawasan bandar dan sekolah gred B di kawasan luar bandar.

## **BAB IV**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Di dalam bab ini, bertujuan untuk menghuraikan hasil dapatan kajian. Aspek yang disentuh ialah maklumat latar diri pelajar serta menjawab keempat-empat persoalan kajian yang berkaitan dengan sikap dan motivasi pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Menjawab dua soalan hipotesis perbezaan sikap motivasi pelajar lelaki dan perempuan suku kaum Suluk serta hubungannya terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

#### **4.2 Maklumat Latar Diri Pelajar**

Fokus utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti sikap dan motivasi pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Jadual 4.1 menunjukkan profil lengkap pelajar yang dikaji. Pelajar lelaki terdiri daripada 57 % dan 43 % pelajar perempuan. Dari segi pencapaian Bahasa Melayu dalam peperiksaan berasaskan sekolah semester satu 2009 didapati peratus pencapaian Bahasa Melayu adalah baik. Kesemua pelajar lulus 100 % dalam Bahasa Melayu dengan pencapaian 25 % gred A, 47 % gred B, 23% gred C, 5% gred D dan 0% gred E.

Daripada peratusan tersebut, bermakna 95% pelajar lulus dengan kepujian dalam Bahasa Melayu. Manakala 5% tidak mendapat kepujian di dalam peperiksaan Bahasa Melayu semester pertama. Manakala di semester kedua pula, pencapaian peperiksaan Bahasa Melayu pelajar Suluk ialah sebanyak 29% mendapat gred A, 40% mendapat gred B, 28% mendapat gred C dan 3% mendapat gred D dan 0% mendapat gred E. Ini bermakna bahawa pencapaian dalam kepujian Bahasa Melayu semester ke-2 ialah sebanyak 97% iaitu meningkat 2% daripada semester satu.

Jadual 4.1

*Profil Responden Kajian*

<b>Latar Belakang Diri</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
A. Jantina		
1. Lelaki	57	57.0
2. Perempuan	43	43.0
B. Pencapaian Bahasa Melayu Semester I 2009		
1. Gred A	25	25.0
2. Gred B	47	47.0
3. Gred C	23	23.0
4. Gred D	05	05.0
5. Gred E	0	0.0
C. Pencapaian Bahasa Melayu Semester II 2009		
1. Gred A	29	29.0
2. Gred B	40	40.0
3. Gred C	28	28.0
4. Gred D	03	03.0
5. Gred E	0	0.0

### 4.3 Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua

Merujuk kepada sikap pelajar Suluk dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua meliputi tiga kategori sikap dalam konstruk (A), sikap terhadap penutur Bahasa Melayu, (B) minat dalam bahasa Melayu dan (C) sikap integratif. Manakala motivasi pula terdapat tiga konstruk iaitu (A) sikap terhadap pembelajaran bahasa Melayu, (B) keinginan belajar Bahasa Melayu dan (C) motivasi instrumental yang akan dikaji seterusnya.

#### 4.3.1 Sikap Pelajar Suluk Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

Jadual 4.2 menunjukkan analisis sikap secara keseluruhan diperolehi berdasarkan respon pelajar terhadap item sikap yang telah dikaji. Di dalam konstruk sikap pula dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu sikap terhadap penutur Bahasa Melayu, minat dalam Bahasa Melayu dan sikap integratif pelajar Suluk terhadap Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Jadual 4.2

*Taburan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Melayu Secara Keseluruhan*

Sikap Bahasa Melayu	Peratus (%)						
	STS	TS	AS	S	SS	SP	MIN
<b>A. Sikap terhadap penutur BM</b>							
1. Sikap meminati masyarakat Melayu		3	13	45	39	.778	4.20
2. Saya berasa seronok apabila berkawan dengan orang Melayu	1.0	2	13	42	42	.824	4.22
3. Orang Melayu baik, peramah dan berbudi pekerti.	5.0	2	14	32	47	1.064	4.14
4. Masyarakat Melayu bersopan santun.	2.0	4	8	46	40	0.892	4.18
5. Masyarakat Melayu boleh bekerjasama.	5.5	3	22	32	43	0.892	4.15

Berdasarkan Jadual 4.2, kategori A, dapatlah dikatakan sikap pelajar Suluk dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua adalah tinggi. Di mana dalam kategori (A) sikap terhadap penutur Bahasa Melayu pelajar bersetuju dengan beberapa item tersebut. Ini dapat diperhatikan item sikap meminati masyarakat Melayu (min=4.20), saya berasa seronok apabila berkawan dengan orang Melayu (min=4.22), orang Melayu baik, peramah dan berbudi pekerti (min=4.14). Manakala masyarakat Melayu bersopan santun mempunyai (min = 4.18), seterusnya masyarakat Melayu boleh bekerjasama (min=4.15). Maka dengan demikian dapatan bagi kategori ini menunjukkan bahawa pelajar Suluk mempunyai sikap yang positif terhadap penutur Bahasa Melayu dengan nilai min 0.56 dan sisihan piawai 4.17.

Jadual 4.3

*Minat Terhadap Bahasa Melayu*

	Peratus (%)						MIN
	STS	TS	AS	S	SS	SP	
<b>B. Minat Terhadap BM</b>							
1. Saya minat belajar di dalam kelas Bahasa Melayu.	1.0	2.0	17.0	36.0	44.0	.865	4.20
2. Saya belajar bersungguh-sungguh dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	1.0	4.0	21.0	34.0	40.0	.929	4.08
3. Bahasa Melayu mudah difahami	3.0	4.0	19.0	40.0	34.0	.985	3.98
4. Saya melibatkan diri dalam aktiviti Bahasa Melayu.	3.0	12.0	11.0	47.0	26.0	1.053	3.82
5. Saya suka guru yang mengajar Bahasa Melayu.	1.0	5.0	17.0	34.0	43.0	.939	4.13
6. Bahasa Melayu subjek yang sangat menarik hati saya untuk belajar.	4.0	4.0	18.0	37.0	36.0	1.054	4.00
7. Saya suka berkawan dengan masyarakat Melayu.	2.0	7.1	18.2	40.4	32.3	.937	4.01
8. Semakin rapat semakin baik pertuturan BM saya.	1.0	7.0	16.0	42.0	34.0	.937	4.01
9. Saya ingin memahami masyarakat Melayu lebih mendalam lagi.		4.0	18.0	31.0	47.0	.880	4.21
10. Saya sentiasa menyiapkan kerja rumah BM.		9.0	13.0	31.0	47.0	.972	4.16
11. Saya belajar BM mengikut jadual waktu yang ditetapkan	4.0	6.0	13.0	39.0	38.0	1.059	4.01



Manakala dalam kategori (B), minat terhadap Bahasa Melayu dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar bersetuju beberapa item yang telah dinyatakan. Pelajar Suluk menunjukkan ciri-ciri sikap yang positif dengan item saya minat belajar di dalam kelas Bahasa Melayu (min=4.20). Dan pelajar menunjukkan kesungguhan belajar di dalam item saya belajar bersungguh-sungguh dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (min=4.08), item Bahasa Melayu mudah difahami (min=3.98), saya melibatkan diri dalam aktiviti Bahasa Melayu (min=3.82) dan dapatan kategori ini menunjukkan pelajar suku guru yang mengajar Bahasa Melayu (min=4.13). Ini bermakna pelajar Suluk menunjukkan sikap yang positif minat terhadap Bahasa Melayu dalam pembelajaran Bahasa Melayu dengan min 4.05 dan sisihan piawai 0.76

Jadual 4.4

*Sikap Integratif*

	STS	Peratus (%)			SS	SP	MIN
		TS	AS	S			
<b>C. Sikap Integratif</b>							
1. Saya membuat kerja rumah BM mengikut jadual.	3.0	7.0	17.0	42.0	31.0	1.016	3.91
2. Saya mengambil bahagian aktif	3.0	12.0	23.0	42.0	20.0	1.030	3.64
3. Saya belajar bersungguh-sungguh mempelajari BM.	3.0	7.0	15.0	37.0	38.0	1.044	4.00

Di dalam kategori (C) Sikap Integratif analisis menunjukkan bahawa pelajar setuju dan sangat setuju dengan kenyataan yang telah diberikan pelajar memahami sikap integratif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Item saya membuat kerja rumah Bahasa Melayu

mengikut jadual (min=3.91) dan saya mengambil bahagian aktif di dalam kelas bahasa Melayu (min=3.64) dan seterusnya saya belajar bersungguh-sungguh mempelajari BM (min=4.00). Hasil dapatan bagi kategori ini menunjukkan bahawa pelajar Suluk mempunyai sikap yang positif untuk berintegrasi mempelajari Bahasa Melayu dengan min 3.85 dan sisihan piawai 4.93.

Kesimpulan dapatan kajian tentang sikap pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua menunjukkan bahawa pelajar mempunyai sikap yang positif. Di mana tahap sikap yang positif dapat diperhatikan dengan nilai skor min 3.84 dan sisihan piawai 0.74.

Jadual 4.5

*Sikap Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu*

	STS	TS	Peratus (%)		SS	SP	MIN
			AS	S			
<b>D. Sikap terhadap pembelajaran Bahasa Melayu</b>							
1. Sikap menghabiskan lebih masa belajar Bahasa Melayu.	3.0	7.0	17.0	42.0	31.0	1.016	3.91
2. Saya mengulangkaji pelajaran BM supaya lulus dengan baik Semester 1 dan 2.	3.0	12.0	23.0	42.0	20.0	1.030	3.64
3. Saya seronok apabila belajar BM	3.0	7.0	15.0	37.0	38.0	1.044	4.00
4. Belajar BM telah menjadi hobi saya.	2.0	4.0	8.0	46.0	40.0	.892	4.18

Di dalam kategori (D), iaitu sikap terhadap pembelajaran Bahasa Melayu, menunjukkan semua item mempunyai nilai min yang tinggi. Item saya menghabiskan lebih masa belajar Bahasa Melayu (min=3.65), saya mengulangkaji pelajaran Bahasa Melayu supaya lulus peperiksaan semester satu dan semester dua (min=4.10). Saya seronok apabila belajar Bahasa Melayu (min=4.02) dan seterusnya item belajar Bahasa Melayu telah menjadi hobi saya dengan (min=3.60). Kesimpulannya responden mempunyai sikap yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu secara positif. Jadual 4.6 di bawah menunjukkan Keputusan Keseluruhan Tahap Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu.

Jadual 4.6

*Tahap Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu*

<b>Keterangan</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>	<b>Tahap</b>
Keseluruhan Sikap	4.18	0.56	Positif
<b>Pecahan Mengikut Kategori</b>			
A. Sikap Terhadap Penutur Melayu	3.85	0.76	Positif
B. Minat Dalam Bahasa Melayu	4.05	0.53	Positif
C. Sikap Integratif	3.85	4.93	Positif
D. Sikap Terhadap Pembelajaran BM	4.20	5.22	Positif

### 4.3.2 Motivasi Pelajar Suluk Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

Jadual 4.7

*Keinginan untuk Mempelajari Bahasa Melayu*

	Peratus (%)						
	STS	TS	AS	S	SS	SP	MIN
<b>E. Keinginan Untuk Mempelajari BM</b>							
1. Saya gemar belajar mata pelajaran BM kerana mudah difahami .	4.0	4.0	20.0	42.0	30.0	1.010	3.90
2. Saya suka belajar BM kerana ia sangat penting.	4.0	4.0	17.0	43.0	32.0	1.009	3.95
3. BM ialah subjek yang wajib dalam peperiksaan.	2.0	9.0	21.0	27.0	41.0	1.082	3.96
4. Belajar BM mempunyai banyak kelebihan.	3.0	2.0	14.0	49.0	32.0	.903	4.05

Bagi kategori (E), keinginan untuk mempelajari Bahasa Melayu, hampir semua item menunjukkan nilai min yang tinggi yang mempunyai mni 3 ke atas. Item saya gemar belajar mata pelajaran Bahasa Melayu kerana mudah difahami (min=3.90), pelajar suka belajar di dalam subjek Bahasa Melayu kerana ia sangat penting (min=3.95). Bahasa Melayu ialah subjek yang wajib dalam pepriksaaan (min=3.96) dan seterusnya Bahasa Melayu mempunyai banyak kelebihan mempunyai (min=4.05). Maka dapat dinyatakan bahawa hasil dapatan bagi kategori ini menunjukkan bahawa keinginan pelajar untuk mempelajari Bahasa Melayu sangat tinggi dengan min keseluruhan (min=4.10).

Jadual 4.8

*Motivasi Instrumental*

	STS	TS	Peratus (%)		SS	SP	MIN
			AS	S			
<b>F. Motivasi Instrumental</b>							
1. Saya bercita-cita menyambung belajar BM pada masa depan.	4.0	7.0	25.0	34.0	30.0	1.078	3.79
2. Mata pelajaran BM Sangat penting kerana dapat meluaskan pengetahuan saya.	3.0	4.0	21.0	34.0	38.0	1.015	4.00
3. BM dapat mengembangkan kosa kata saya.	3.0	9.0	24.0	33.0	31.0	1.015	4.00
4. Perbendaharaan kata saya baik dengan mempelajari BM.	1.0	4.0	18.0	38.0	39.0	.905	4.10
5. Belajar BM membantu saya mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan.	2.0	7.0	17.0	37.0	37.0	1.005	4.00
6. Belajar BM membolehkan saya berkomunikasi dengan masyarakat Melayu.	1.0	4.0	17.0	37.0	41.0	.906	4.13
7. Belajar BM dapat memberikan keyakinan saya lulus dalam peperiksaan.	1.0	4.0	22.0	38.0	35.0	.910	4.02
8. Belajar BM membantu mendapatkan kerjaya yang baik.	1.0	4.0	10.0	37.0	48.0	.874	4.27
9. Belajar BM membolehkan saya mengetahui berita dalam negara.	3.0	5.0	8.0	28.0	55.0	1.030	4.30

Di dalam kategori (F), motivasi instrumental, item saya bercita-cita menyambung belajar Bahasa Melayu pada masa masa depan (min=3.79). Motivasi terhadap item mata pelajaran Bahasa Melayu sangat penting kerana dapat meluaskan pengetahuan saya (min=4.00). Bahasa Melayu dapat mengembangkan kosa kata saya (min=3.80), perbendaharaan kata saya baik dengan mempelajari Bahasa Melayu (min=4.10). Belajar Bahasa Melayu membantu saya mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan (min=4.00). Belajar Bahasa Melayu membolehkan saya berkomunikasi dengan

masyarakat Melayu (min=4.13). Manakala belajar Bahasa Melayu dapat memberikan keyakinan saya lulus dalam peperiksaan (min=4.02). Belajar Bahasa Melayu membantu mendapatkan kerjaya yang baik (min =4.20) dan seterusnya belajar Bahasa Melayu membolehkan saya mengetahui berita di dalam negara (min=4.30). Hasil dapatan bagi kategori ini menunjukkan bahawa keinginan untuk mempelajari Bahasa Melayu adalah tinggi dengan min 4.94 sisihan piawai 0.88.

Kesimpulan dapatan kajian tentang motivasi pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua membuktikan bahawa pelajar mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Kenyataan ini dapat dilihat melalui tahap motivasi yang tinggi dengan nilai skor min keseluruhan motivasi 4.04 dan sisihan piawai 0.60 seperti dalam jadual 4.9

Jadual 4.9

*Tahap Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu*

<b>Keterangan</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>	<b>Tahap</b>
Keseluruhan Motivasi	4.04	0.60	Tinggi
<b>Pecahan Mengikut Kategori</b>			
E. Keinginan untuk Mempelajari BM	4.94	0.88	Tinggi
F. Motivasi Instrumental	4.07	0.80	Tinggi

### 4.3.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi pelajar Suluk lelaki dan perempuan terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ?

H<sub>0</sub>1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi pelajar Suluk lelaki dan perempuan terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Jadual 4.10

*Keputusan ujian-t Motivasi Pelajar Lelaki dan Perempuan Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua*

	N	M	SD	t	df	sig. ( 2 ekor )
Lelaki	57	4.02	0.66	-5.0	98	0.618
Perempuan	43	4.08	0.50	-5.2		

\*p < .05

Berdasarkan jadual 4.4 ujian -t sampel bebas, ujian levene didapati signifikan ( $p < .05$ ). Ujian ini tidak memenuhi andaian kehomogenan varian di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam motivasi pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dapatan ujian-t menunjukkan bahawa motivasi adalah signifikan ( $t(98) = -5.2$ ,  $p < .05$  secara statistik. Keputusan ini berjaya menolak hipotesis Null dengan itu menerima hipotesis Alternatif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi di antara pelajar lelaki dan perempuan Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

#### 4.3.4 Adakah terdapat hubungan yang signifikan sikap dan motivasi pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua?

H<sub>0</sub>2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan motivasi pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Jadual 4.11

*Korelasi Pearson Antara Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua*

---

	1	2
Sikap (1)	1	.672**
Motivasi (2)	.672**	1

---

\*p < .01 (2- ekor)

Berdasarkan jadual 4.5 Sikap pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu mempunyai hubungan yang positif dan signifikan ( $r = .672$ ,  $p < .01$ ) secara statistik. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dan motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hubungan positif menyatakan sikap pembelajaran yang positif. Sikap negatif menyebabkan motivasi yang rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.



#### 4.4 Rumusan

Pada keseluruhan sikap pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa kedua berada pada tahap yang positif. Demikian juga, motivasi pelajar, hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar berkenaan mempunyai tahap motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Sikap dan motivasi pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua juga ditinjau dari segi perbandingan antara jantina. Ini menunjukkan bahawa dapatan kajian terhadap sikap dan motivasi pelajar lelaki dan perempuan terdapat perbezaan yang signifikan. Walau bagaimanapun min, sikap dalam motivasi pelajar perempuan adalah lebih tinggi (min=4.08) berbanding dengan motivasi pelajar lelaki iaitu (min=4.02). Ini bermakna pelajar perempuan Suluk mempunyai sikap dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran BM sebagai bahasa kedua berbanding dengan pelajar lelaki Suluk.

## BAB V

### RUMUSAN DAN KESIMPULAN

#### 5.1 Pendahuluan

Di dalam Bab ini akan membincangkan rumusan dapatan kajian dari segi perbincangan hasil dapatan kajian, implikasi kajian, cadangan kajian lanjutan dan rumusan kajian.

#### 5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau sikap dan motivasi pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Sikap dan motivasi pelajar dianalisis dari dimensi tahap dan kategori. Tahap sikap merujuk kepada tahap positif, sederhana positif dan negatif. Sementara tahap motivasi merujuk kepada tahap tinggi, sederhana tinggi dan rendah. Analisis berdasarkan kategori sikap melihat kecenderungan melalui sikap terhadap penutur bahasa, minat terhadap pembelajaran bahasa dan sikap integratif. Seterusnya kategori motivasi dilihat melalui sikap terhadap pembelajaran bahasa, keinginan mempelajari bahasa dan motivasi instrumental terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini berasaskan kerangka konsepstual yang diadaptasi dari model *Socioeducational* oleh Gardner (1985).

Kajian ini merupakan kajian tinjauan terhadap 100 orang pelajar Suluk yang dipilih secara sampel bertujuan di tiga buah sekolah rendah daerah Sandakan Sabah. Iaitu sekolah rendah gred A dan B kawasan bandar dan gred B kawasan luar bandar. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Analisis data menggunakan statistik deskriptif, ujian-t dan korelasi Pearson.

### **5.3 Rumusan Dapatan Kajian**

#### **5.3.1 Rumusan Persoalan Kajian**

Dapatan kajian yang diperoleh melalui analisis deskriptif dan inferensi diselaraskan dengan objektif kajian. Dapatan utama kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Pelajar Suluk mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Tiga kategori sikap dianalisis dan mendapati sikap pelajar terhadap penutur Bahasa Melayu, minat terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dan sikap integratif menunjukkan tahap yang positif.
2. Pelajar Suluk mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Tiga kategori motivasi dianalisis dan mendapati sikap terhadap pembelajaran Bahasa Melayu, keinginan untuk mempelajari Bahasa Melayu dan motivasi instrumental berada pada tahap yang tinggi.

3. Terdapat perbezaan sikap dan motivasi yang signifikan terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan Suluk. Walau bagaimanapun, min sikap dan motivasi perempuan lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki.

### **5.3.2 Rumusan Dapatan Lain**

Hasil analisis kajian juga menunjukkan bahawa hampir kesemua pelajar lulus 100% dalam Bahasa Melayu dengan pencapaian 25 % gred A, 47 % gred B, 23% gred C, 5% gred D dan 0% gred E. Daripada peratusan tersebut, bermakna 95% pelajar lulus dengan kepujian dalam Bahasa Melayu. Manakala 5% tidak mendapat kepujian di dalam peperiksaan Bahasa Melayu dalam semester pertama. Manakala di semester kedua pula, pencapaian peperiksaan Bahasa Melayu pelajar Suluk ialah sebanyak 29% mendapat gred A, 40% mendapat gred B, 28% mendapat gred C dan 3% mendapat gred D dan 0% mendapat gred E. Ini bermakna bahawa pencapaian dalam kepujian Bahasa Melayu semester ke-2 ialah sebanyak 97% iaitu meningkat 2% daripada semester satu. Sikap pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu ( $\text{min} = 4.18$ ) dan sisihan piawai 0.56 adalah positif.

## **5.4. Perbincangan Dapatan Kajian**

### **5.4.1 Sikap dan Motivasi Pelajar Suluk Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua**

Secara keseluruhan hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar Suluk mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dapatan ini menyokong hasil kajian Chithra (2003) yang menunjukkan pelajar India mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Begitu juga dengan hasil kajian Zamri dan Zarina (2001) yang menunjukkan bahawa pelajar Cina juga mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Namun begitu, dapatan ini bertentangan dengan hasil kajian Kamsiah (2000) yang mengatakan sikap dan motivasi pelajar Singapura agak negatif terhadap Bahasa Melayu. Sikap yang agak negatif terhadap Bahasa Melayu berpunca daripada kesedaran mereka tentang taraf Bahasa Melayu yang sebenarnya menjadi bahasa rendah, walaupun dalam perlembagaan mencatatkan bahawa Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan negara tersebut.

Sikap positif pelajar Suluk dapat dilihat melalui sikap mereka terhadap penutur Bahasa Melayu. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan hasil kajian Chithra yang menunjukkan bahawa sikap pelajar India terhadap penutur Bahasa Melayu adalah positif. Begitu juga dengan minat pelajar Suluk terhadap Bahasa Melayu. Pelajar tersebut belajar bersungguh-sungguh di dalam kelas Bahasa Melayu dengan memberi sepenuh perhatian kepada pengajaran guru. Mereka sedar akan kedudukan Bahasa Melayu dalam

perlembagaan dan sistem pendidikan di negara ini. Sikap integratif mereka turut membantu pelajar Suluk mempelajari Bahasa Melayu dengan penuh yakin dan cemerlang di dalam peperiksaan. Mereka ingin menjalinkan hubungan yang lebih rapat dan memahami budaya masyarakat Melayu dengan lebih rapat lagi. Hasil kajian ini selaras dengan pendapat Gardner dan Macintyre (1993) yang mengatakan bahawa motivasi integratif merupakan faktor utama yang menggalakkan seseorang pelajar bahasa kedua mempelajari bahasa sasaran dengan lebih baik dan berkesan.

Di samping sikap positif, dapatan juga menunjukkan pelajar Suluk mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Ciri yang ketara menunjukkan tahap motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu ialah motivasi instrumental juga tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bagi pelajar tersebut. Justeru, motivasi instrumental yang tinggi menyebabkan pelajar Suluk mempelajari Bahasa Melayu dengan tekun dan bersungguh-sungguh. Motivasi yang tinggi terhadap Bahasa Melayu ini menunjukkan kesedaran mereka akan taraf Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa pengantar utama pendidikan. Dengan menguasai Bahasa Melayu, mereka dapat meluaskan ilmu pengetahuan, berkomunikasi dengan masyarakat lain dan membantu mendapat kerjaya yang lebih baik di masa hadapan. Dapatan ini juga selaras dengan pendapat Lim Hock (2000) yang mengatakan bahawa pelajar Cina dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik kerana mereka berkemahuan tinggi untuk mempelajari Bahasa Melayu yang menjadi subjek penting dan wajib lulus untuk membolehkan seseorang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

#### **5.4.2 Perbezaan Sikap dan Motivasi Antara Jantina Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan sikap dan motivasi yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bagi pelajar tersebut. Kedua-dua kumpulan responden mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Dapatan kajian ini selaras dengan hasil kajian Chithra (2003). Dalam kajiannya, beliau mendapati bahawa pelajar lelaki dan perempuan India mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini juga menyokong dapatan kajian Zamri dan Zarina (2001). Dalam kajian tersebut, beliau mendapati bahawa pelajar berbangsa Cina sama ada pelajar lelaki mahupun perempuan mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

Kajian yang dijalankan ini menunjukkan secara keseluruhan pelajar Suluk mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hasil kajian ini menyokong kajian Kamsiah (2000) yang sikap positif terhadap kumpulan pertama.

Dapatan tentang sikap pelajar Suluk dalam kajian ini turut memberi justifikasi kepada model *Socioeducational* oleh Gardner (1985). Beliau menjelaskan bahawa sikap

terhadap bahasa asing amat berkait rapat dengan faktor sosial dan budaya yang melalui perkembangan individu. Situasi tersebut akan mencorakkan pandangan terhadap budaya dan bahasa asing yang juga amat berkaitan dengan pemerolehan bahasa tersebut.

## **5.5 Implikasi Kajian**

### **5.5.1 Pelajar**

Pelajar merupakan subjek utama kajian ini. Hasil kajian menjadi input dan gambaran kepada pelajar tentang sikap motivasi responden kajian yang mewakili pelajar bandar dan pelajar luar bandar masih terbatas dalam menikmati kemudahan prasarana pendidikan berbanding pelajar-pelajar di bandar. Latar belakang yang berbeza ini turut memberi isyarat bahawa cabaran yang dihadapi oleh pelajar juga berbeza dan mungkin memerlukan pendekatan yang berbeza. Kajian ini juga turut menyokong peranan guru dan pentadbir sekolah yang berjaya membentuk sikap positif. Oleh itu, pelajar perlu memanfaatkan pembelajaran di sekolah semaksimum mungkin dalam meningkatkan pembelajaran Bahasa Melayu. Pelajar juga perlu mempunyai keyakinan diri yang tinggi bagi mencapai keputusan yang baik. Mereka tidak seharusnya bersikap negatif dan tidak memandang rendah terhadap keupayaan diri sendiri semasa mempelajari bahasa kedua seterusnya menjadikan bahasa tersebut sebagai dorongan untuk memperbaiki keputusan di dalam peperiksaan seterusnya lebih berkesan berkomunikasi dengan penutur bahasa tersebut.



### 5.5.2 Sekolah dan Guru Bahasa

Mengikut Woods S.(2001), guru seharusnya menilai pengajaran yang jelas terutamanya dalam latihan main peranan. Guru semestinya keluar daripada kebiasaan dan mengizinkan lebih kepada pembelajaran secara bebas ke arah keberkesanan pembelajaran bahasa kedua.

Manakala mengikut Sercu (2006), guru bahasa kedua bukan hanya memerlukan teknik pengajaran yang berkesan akan tetapi juga mempunyai dan mendapatkan tindak balas teori yang umum daripada model bahasa kedua dan antara budaya, kecekapan dan kebolehan. Model (FLIC) Foreign Language And Intercultural Competence Language.

Institusi sekolah merangkumi elemen-elemen yang melibatkan pelajar, guru dan pentadbir sekolah termasuklah strategi pengajaran, bahan-bahan yang disediakan serta aktiviti-aktiviti sokongan yang merangsang pencapaian pelajar. Guru bahasa mempunyai tugas dan tanggungjawab yang besar dalam konteks pengajaran bahasa. Bagi memastikan matlamat tersebut tercapai, guru mesti dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran berbahasa. Guru-guru mesti mendapat latihan, memiliki personaliti keguruan, keupayaan mengajar asas bahasa dan berupaya menggalakkan pelajar mempelajari dan berkomunikasi dalam bahasa kedua yang dipelajari.

Cabaran kepada guru bagi memotivasikan pelajar seharusnya tidak kekurangan bahan dalam pendekatan berpusatkan pelajar. Berusaha giat untuk mengubah pendekatan pedagogi yang telah sedia ada. Nguyen (2003, 2005, 2007). Pihak sekolah dan guru

perlu menyedari hakikat bahawa pembelajaran bahasa kedua di kalangan pelajar Suluk tidak hanya dilihat sebagai mata pelajaran akademik yang memenuhi tuntutan kurikulum tetapi turut mempelajari budaya masyarakat yang menuturkannya. Sehubungan itu, dicadangkan agar penekanan lebih kepada kemahiran berbahasa dari segi komunikasi dan interaksi. Ini dapat dilakukan dengan mengadakan sesi perbincangan yang boleh meningkatkan kesedaran pelajar, misalnya perbincangan tentang budaya asing yang akan meningkatkan pendedahan dan pemahaman budaya masyarakat bahasa berkenaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris terutama di kalangan pelajar luar bandar. Begitu juga dengan cadangan oleh sesetengah pihak agar mata pelajaran ini dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan. Pelaksanaan dasar ini harus dilihat dari sudut yang positif kerana ia mampu memotivasikan pelajar, guru dan ibu bapa akan betapa pentingnya penguasaan Bahasa Inggeris selaras dengan arus globalisasi.

## **5.6 Cadangan Lanjutan**

Kajian ini memberi penekanan kepada sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian ini hanya menggunakan pelajar Suluk dari tahun empat, di tiga buah sekolah rendah di daerah Sandakan Sabah dan ia merupakan kajian tinjauan sahaja. Segala dapatan kajian ini tidak boleh dijadikan sebagai inferens untuk populasi pelajar Suluk di seluruh negeri Sabah. Antara kajian-kajian lanjutan yang wajar difikirkan ialah:

1. Kajian ini hanya melibatkan 130 orang responden pelajar Suluk di tiga buah sekolah rendah gred A dan B kawasan bandar dan sekolah gred B di kawasan luar bandar. Tiga puluh orang daripadanya dijadikan sebagai kajian rintis.

2. Dicadangkan agar sampel kajian turut melibatkan bahagian-bahagian lain di Sabah agar dapat dibuat perbandingan bagi memperkukuhkan kepastian tentang sikap dan motivasi pelajar Suluk ini.
3. Kajian yang sama boleh dijalankan secara perbandingan antara pelajar Suluk dengan suku kaum yang lain seperti Sungai, Banjar, Bugis, Bajau dan lain-lain lagi di daerah Sandakan Sabah atau suku kaum yang terdapat di Sarawak seterusnya kaum terbesar Melayu, Cina dan India di Malaysia amnya.
4. Kajian yang sama boleh dijalankan secara perbandingan antara pelajar Suluk yang menerima pendidikan di sekolah-sekolah bandar dengan pelajar Suluk yang mendapat pendidikan di sekolah-sekolah luar bandar atau berasrama penuh.
5. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik. Dicadangkan bahawa pengkaji akan datang boleh menggunakan teknik temu bual, kajian kes atau kajian tindakan selain daripada soal selidik bagi membuat perbandingan terhadap sikap dan motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

## 5.7 Rumusan

Kajian ini telah menyorot tentang sikap dan motivasi pelajar Suluk terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Sikap dan motivasi merupakan dua aspek yang kompleks kerana kedua-duanya mengandungi unsur psikologi yang saling berkaitan tetapi bersifat individual dan masing-masing dibentuk oleh latar belakang dan pengalaman yang berbeza. Malah, sikap dan motivasi juga boleh berubah mengikut perkembangan persekitaran yang dilalui sama ada pada zaman kanak-kanak, pada alam persekolahan sehinggalah ke alam kerjaya.

Mengikut Mitsis (1999, 2000) keberkesanan pembelajaran bahasa kedua ialah melalui komunikasi pendekatan guru contohnya penggunaan pelbagai media audiovisual, bahan pendidikan di dalam pengajaran bahasa kedua. Manakala menurut Le Roux (2002), keberkesanan pengajaran bahasa kedua bergantung kepada keupayaan intelektual guru. Iaitu kecekapan pengurusan budaya di dalam kumpulan bahasa di kalangan pelajar melalui pelbagai teknik di dalam pembelajaran bahasa kedua. Seterusnya El-Nady (2000), menyatakan penekanan pembelajaran bahasa kedua lazimnya adalah lebih baik bersama dengan budaya penutur bahasa natif. Bukannya hanya memperoleh perbendaharaan kata yang baik tetapi juga memberi kesan terhadap komunikasi yang baik bersama penutur natif tersebut.

Dalam kajian ini, pelajar-pelajar Suluk mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua kerana mereka mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa tersebut. Kajian ini hanya terbatas kepada dapatan yang

berdasarkan sampel yang berkaitan dan mempunyai ciri-ciri yang hampir sama. Walau bagaimanapun, kajian ini diharap dapat memberi input dalam bidang penyelidikan selanjutnya ke arena dunia pendidikan khususnya di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdullah Musa. (2007). Sikap dan motivasi pelajar Dusun terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Hassan. (1986). *Linguistik am untuk guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Aisah Edris, Azizah Othman dan Sri Rahayu Ismail. (2002). *Tamadun Asia*. Kuala Lumpur : Universiti Putra Malaysia.
- Arsaythamby Veloo, Armugam Raman. (2009). Panduan menganalisis & menginterpretasi DATA, Universiti Utara Malaysia. Sintok.
- Asreemoro. (2007). Tausug & Kesultanan Sulu Gombak : Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar. (1978). *Perancangan bahasa dengan rujukan khusus kepada perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Au S.Y. (1988). A critical appraisal of Gardner's social-psychological theory of second language learning. *Language learning*, 38, 75 – 100.
- Best J. W. & Kahn, J. W. (1986). *Research in education*. Ed. 6. New Jersey: Prentice Hall.
- Blair, T.K., Jones, B.S., Simpson. G.K. (1991). *Training second language teacher*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Buschenhofen, P. (1998). English language attitudes of final year high school and first year university students in Papua New Guinea. *Asian Journal of English Teaching*, 8, 93 – 116.
- Byram, M., Morgan, C. et al. (1994). *Teaching and learning language and culture*. Clevedon: Multilingual Matters.
- Cunningham, W.A., & Johnson, M.K. (2007). Attitudes and evaluation : Toward a component process framework. In E, Harmon -Jones & P Wikielman (Eds). *Fundamental of social neurosciences*. New York : Guilford press.
- Chithra a/p Raju. (2003). Sikap dan motivasi pelajar India dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia : Bangi.
- Chomsky, N. (1965). *Aspects of the theory of syntax*. M.I.T. Press.

- Cook Vivian. (1991). *Second language learning and language teaching*. London: Edward Arnold.
- Davidio, J. F, Kamakami, K., & Gaertner, S.L. (2002). Impilcit and expilcit prejudice and interracial interaction, *Journal of personality and social psychology*, 82, 62-68.
- Dornyei, Z. (1990). Conceptualizing motivation in foreign language learning. *Language Learning*, 40, 45 – 78.
- Ellington, B.T. & Earl, V.R. (1999). Some issues in improving the quality of educational. *Comparative Educational*. 14(1), 41 – 58.
- El- Nady. (2000). Foteini Politi, To Politi @ hotmail. Com.
- Gardner, R.C. & Lambert W.E. (1972). *Attitudes and motivation in second language learning*. Rowley, Mass: New Bury House Publishers.
- Gardner, R.C. & MacIntyre P.D. (1993). On the measurement of affective variable in second language learning, *Language learning*. 43 (2), 157 – 194.
- Gardner, R.C. & Smythe. (1975). Second language learning: A social-psychological perspective. *Canadian modern language review* 32, 198 – 213.
- Gardner, R.C. (1982). Language attitudes and language learning. Dlm. Ryan, E.B. & Giles, H. (pnyt.) *Attitudes towards language variation: Social and applied contexts*, hlm. 132 – 147. London: Edward Arnold Pub. Ltd.
- Gardner, R.C. (1985). *Social psychology and second language learning: The role of attitudes and motivation*. London: Edward Arnold.
- Haris Md. Jadi. (1990). *Etnik, politik dan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (1996). Gelombang kedua hegemoni Bahasa Inggeris dan kelenturan status Bahasa Melayu: Cabaran dan saranan. *Jurnal Dewan Bahasa*. Disember : 1060 -1070.
- Jamali Ismail. (1992). Sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di kalangan pelajar Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*. November: 1071 -1085.
- Juriah Long. (2002). *Pendidikan Bahasa Melayu: Antara hasrat dengan pelaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamsiah Abdullah. (1987). Sikap dan motivasi sebagai pemboleh ubah dalam pembelajaran bahasa. *Dewan Bahasa*. Disember : 903 – 918.

- Kamsiah Abdullah. (2000). *Sikap, penguasaan dan penggunaan Bahasa Melayu di Singapura*. Singapura: Asas 50.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1988). *Laporan jawatankuasa kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1997). *KBSR Sukatan pelajaran sekolah rendah*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000b). *Sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah menengah Bahasa Melayu*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). Taklimat pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di Kota Kinabalu.
- Kostas Magos. (2008). The creative second language lesson : The contribution of the role - play technique to the teaching of a second language In immigrant classes University Of Thessalia Greece Kmago@ Tee. qr.
- Kreamer, R. (1993). Social psychological related to the study of Arabic among Israeli high school students: A test of Gardners Socioeducational Model. *Studies in second language acquisition*. 15(1), 83 – 104.
- Kuldip Kaur. (1994). Pemelajaran dan pemerolehan bahasa kedua oleh kanak-kanak dan orang dewasa. *Jurnal Dewan Bahasa*. Julai: 645 – 650.
- Lanara, S. (1999). Attitudes and motivation of Japanese student studying English at Asia University. *ELERI Journal* III: 54 – 64. (atas talian). [http://www.asiau.ac.ip/english/cele/articles/Lanara\\_Attributes\\_&\\_motivation.html](http://www.asiau.ac.ip/english/cele/articles/Lanara_Attributes_&_motivation.html). (16 Jun 2003).
- Le Roux, J. (2002). *Effective Teacher Methods*. The University of Texas at Austin. Merrill animprint of prentice hall upper saddle river New Jersey. Columbus : Ohio.
- Lim Hock Yuan. (2001). Dimensi budaya dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*. Mac: 36 – 41.
- Matlin Dullah. (1990). Perkembangan penggunaan bahasa di Sabah. *Pelita Bahasa*: Oktober: 6 – 8.
- Mitsis, N . (1999). The teaching of language lesson : From the language theory to the teaching practice. Athens : Gutenberg In Greek.
- Mitsis, N. (2000). Basic principles and methods of applied linguistics. Introduction to the teaching of Greek as a second / foreign. Athen : Gutenberg in Greek.



- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nor Long. (1982). *Perkembangan pelajaran di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusoff Ali. (2000). Pengaruh sikap dalam pembelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar Melayu. *Dewan Bahasa*. Mac: 370 – 390.
- Nathesan. S. (1992). Bahasa Melayu di Sabah: Pendekatan dan pemantapan penggunaannya. *Dewan Bahasa*; September 803 – 811.
- Netty Ah Hiyer. (2002). Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah? *Dewan Siswa*, November: 8 – 10.
- Nguyen, T.T.(2003). Doi moi cach day, cachhoc tat yeu dan toi su doi quen ly day va hoc. *Chi Grao Duc*, 7,28.
- Nguyen,T.T.(2005). Learning to teach realistic Mathematics in Vietnam, Amesterdam : Universiteit Van Amesterdam.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 1996. *Tatabahasa dewan (Edisi baharu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Hayati Abdullah. (2002). Sikap dan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua. *Dewan Bahasa*. Mei: 45 – 47.
- Oxford, R.L. & Shearin, J. (1994). Language learning motivation: Expanding the theoretical frame work. *The modern language Journal*, 78, 12 – 28.
- Pascasio, E.M. (1980). Language attitudes and motivation of Filipino bilingual towards Filipino and English, the Philipines context. Dlm. Afendras E.A. (pnyt.). *Patterns of bilingualism*, hlm. 30 – 43. Singapura: Singapore University Press. Prapphal, K. & Oller, J.W. 1982. Some factors in learning English in Thailand. *RELC Journal*. 13(2), 78 – 86.
- Richard E. Petty, Rusell H. Fasio., Pablo Brinol. (2009). Psychology press, Taylors & Francis Group, New York : Hove.
- Sa'adiyah Ma'alip. (1998). Sikap bahasa : Satu kajian di kalangan pelajar Malaysia di Britain. *Jurnal Dewan Bahasa*. September : 824-832.
- Schumann, J.H. (1978). Second language acquisition: The pidginization process. Dlm. Hatch E.M. (pnyt.). *Second language acquisition*, hlm.78– 90. Newbury House.

- Sercu, K. (2006). The foreign language and intercultural competence teacher: The acquisition of a New Professional Identity, *Inter Cultural Education* 17 (1), 55-72.
- Slavin R.E. (1991). *Educational psychology: Theory into practice*. Boston: Allyn and Bacon.
- Strack, F., & Deutsch, K. (2004). Reflective and impulsive determinants of social behavior. *Personality and social psychology Review*, 8, 220-247.
- Thuy Nguyen Thanh, Rijkjo Dekker & Martin J. Goedhant . (2007). Preparing Vietnam's student teachers for teaching with a student – centered approach *II* :61-81 Universiteit Amsterdam : Amsterdam The Netherlands
- Woods, S . (2001). A validation drama in the classroom, *humanizing language teaching magazine* 3 (3). Online document : [www.hltmag.Co.uk/may01/Sart3.htm](http://www.hltmag.Co.uk/may01/Sart3.htm).
- [Www.tuj.ac.jp/tesol/press/paper0014/mori.htm](http://www.tuj.ac.jp/tesol/press/paper0014/mori.htm)
- Y. Bagus Wismanto. (2008). *Pengaruh sikap terhadap perilaku Kajian META Analisis Korealsi*. Retrieved from [www.unika.ac.id/fakultas/psikologi/artikel/bw.1pdf](http://www.unika.ac.id/fakultas/psikologi/artikel/bw.1pdf).
- Zamri Mahamod & Zarina Othman. (2001). Sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Dewan Bahasa*. Februari: 40 – 43.